

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"BETA yakin, jika rakyat semuanya terpelajar dan berpengetahuan tinggi, atau mempunyai kelulusan, maka di situlah letaknya tuah mereka. Mereka akan jadi bertambah teguh dan kukuh di dalam kehidupan. Tidak mesti kerajaan semata-mata akan menyediakan pekerjaan untuk mereka, tetapi kelulusan mereka itu pun sudah jadi modal dan sumber rezeki yang sebenar-benarnya."

- Titah Sempena Upacara Konvokesyen Yang Kedua Universiti Brunei Darussalam pada 27 September 1990.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN peliharalah diri kamu daripada berlakunya fitnah yang membawa bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus, tetapi akan menimpa kamu kesemuanya. Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksa-Nya." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 25).

TAHUN 61 / BILANGAN 42

6 APRIL 2016 / 1437 جمادى الأخير 28

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Keluarga berperanan mantapkan kesejahteraan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata, intitusi keluarga memegang peranan paksi dalam memperkukuh dan memantapkan lagi kesejahteraan serta kebijakan masyarakat dan seterusnya akan menyumbang ke arah keselamatan, keamanan, kemakmuran juga kemajuan negara.

Tahun ini, jelas Yang Berhormat merupakan tahun kelima negara meraikan Hari Keluarga Kebangsaan yang mana adalah satu pengiktirafan yang mencerminkan bahawa kita adalah sebuah negara yang amat mementingkan hidup berkeluarga berlandaskan nilai-nilai yang murni, kasih sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh.

Yang Berhormat selaku pengerusi Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 berucap demikian dalam Mesyuarat Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Menurut Yang Berhormat, tahun-tahun sebelumnya sambutan hari keluarga telah mendapat sokongan positif yang mana ia diharapkan telah menggalakkan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan terutama sekali di antara ahli-ahli keluarga yang jauh dan jarang berjumpa.

Ke muka 6

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Loan Forgeron (*Lihat muka 2*).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke negara sahabat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei

Darussalam, Puan Yang Terutama Loan Forgeron yang berkhidmat di negara ini sejak 13 September 2014.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan menerima mengadap Yang Berbahagia Datin Rusziah binti Haji Ghulamudin, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang baharu, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

Akhir sekali, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Datin Dayang Hajah Samsiah binti Haji Abdul Rahman, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Eksesais Hikmat Bersatu V : Uji keupayaan ABDB

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 April. - Eksesais Hikmat Bersatu V/2016 (HB V/2016) berlangsung sejak 1 April lalu berkonsepkan daripada kesinambungan Eksesais Perisai Kebangsaan 4 / 2015 (EPK 4 / 2015) yang menumpukan kepada ancaman keselamatan bukan tradisional (*non-traditional security threats*).

HB V/2016 kali ini melibatkan beberapa kawasan di perairan Negara Brunei Darussalam serta beberapa kawasan pedalaman, perumahan dan komersial termasuk sebahagian jalan raya di beberapa tempat di Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Berkenan berangkat bagi meninjau dan menyaksikan HB V/2016 secara lebih dekat lagi ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Bolkiah Garrison di sini dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Datin Paduka Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar.

Sejurus keberangkatan tiba di Bolkiah Garrison, Duli Yang Teramat Mulia disembah kenal kepada Ketua-Ketua Kumpulan Kerja bagi Eksesais HB V/2016 dan kemudiannya dijunjung ke Bilik Taklimat Markas Angkatan Bersama.

Ke muka 3

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang Berbahagia Datin Rusziah binti Haji Ghulamudin, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang baharu, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Datin Dayang Hajah Samsiah binti Haji Abdul Rahman, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Dari Sidang Pengarang.

6 APRIL 2016 BERSAMAAN 1437 جُمَادَى الْآخِرِ 28

MASYARAKAT PERLU PEKA INDIVIDU AUTISME

HARI Kesedaran Autisme Sedunia (World Autism Awareness Day - WAAD) disambut pada setiap 2 April di seluruh dunia sejak tahun 2008. Ianya adalah sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai autisme dalam kalangan masyarakat, termasuk di peringkat keluarga mengenai kanak-kanak yang mengalami autisme. Ianya telah menjadi satu sambutan di peringkat global dan disambut di mana-mana sahaja di seluruh dunia, termasuklah di negara kita.

Apa yang penting masyarakat di negara ini perlu memiliki tahap kesedaran yang tinggi terhadap autisme, memahami apakah keperluan yang berkaitan yang perlu dikuasai oleh individu autisme, serta mengetahui apa yang boleh mereka lakukan untuk memperbaiki kehidupan dan meningkatkan potensi individu yang memiliki ciri-ciri autisme. Masyarakat juga perlu menyedari bahawa autisme adalah sebahagian daripada kehidupan dan menerimanya sebagai satu anugerah dan kurnia dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Pemahaman yang tepat daripada masyarakat dan pelbagai pihak akan mendorong penerimaan dengan hati terbuka dan menghalang sikap diskriminasi, stigma dan penyisihan terhadap mereka. Kerana golongan istimewa dari kategori autisme ini bukan sahaja memerlukan pendidikan akademik, tetapi juga kemahiran untuk berkomunikasi dan bersosial dengan cara yang sepatutnya.

Sejak dilancarkan pada tahun 2008, Persatuan SMARTER Brunei adalah organisasi utama di Negara Brunei Darussalam dalam menyambut WAAD pada setiap 2 April. SMARTER Brunei adalah sebuah pertubuhan NGO yang aktif dan penuh komited dalam memberikan perkhidmatan kepada keluarga dan kanak-kanak yang menghadapi cabaran autisme ini.

Pada tahun ini, Sambutan WAAD Ke-9 telah berlangsung pada 2 April lepas dengan membawa tema 'SMARTER's M.O.V.E. for Autism' di mana SMARTER terus memberikan motivasi, peluang-peluang, suara dan pemerksaan kepada semua individu mengenai autisme.

Penyakit autisme adalah sejenis penyakit yang dianggap sebagai kecacatan neurologi yang dikategorikan sebagai gangguan perkembangan yang kompleks disebabkan kerosakan pada otak sehingga mengakibatkan gangguan pada perkembangan komunikasi, perilaku, masalah sosial, pengetahuan, aktiviti, minat dan dalam pembelajaran. Individu yang menghidap autisme yang kebanyakannya bermula dari seawal anak damit lagi.

Membesarkan anak autisme bukanlah mudah. Keluarga atau ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme pastinya terpaksa menghadapi cabaran untuk menjaga dan mendidik mereka. Perkara ini adalah satu ujian daripada-Nya yang perlu diharungi dengan reda dan sabar. Kerana anak-anak autisme adalah anugerah Allah yang mesti diharga.

Bagi menghadapinya, sokongan keluarga, masyarakat dan pelbagai pihak amat perlu dalam menggalas, mengenali dan menghargai anak-anak istimewa seperti autisme ini, yang mana pada mata kasarnya kelihatan tidak ubah seperti anak-anak lain, tetapi sebaliknya mereka mempunyai keistimewaan tersendiri. Dengan adanya sokongan semua pihak, suatu masa nanti, apabila mata-mata memandang kepada wajah-wajah anak-anak istimewa ini, tiada lagi riak pelik, takut, hairan atau terkejut. Kerana antara gejala yang boleh diperolehi dari individu autisme ialah mereka ini tidak suka bergaul dan kerap kali suka bersendirian, kebanyakan individu autisme berkomunikasi menggunakan gerak isyarat atau tangan, selain mereka ini didapati lambat atau lewat bertutur.

Di negara kita, Brunei Darussalam, alhamdulillah, masyarakatnya memang kaya dengan sifat penyayang, ambil berat serta prihatin terhadap individu-individu autisme. Kebajikan dan kesejahteraan mereka juga sentiasa diambil perhatian oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Khususnya melalui SMARTER Brunei yang tidak kendur-kendur berusaha mengadakan pelbagai program amal bagi mengumpul dana untuk kebajikan masyarakat autisme.

Justeru itu, keprihatinan dan kefahaman mengenai individu autisme perlu sentiasa dipupuk dan kita sebagai masyarakat Brunei juga jangan sambil lewa dengan penghidap autisme termasuk orang-orang yang kurang upaya kerana mereka ini memiliki keunikan yang tersendiri yang mungkin sahaja tidak terdapat pada individu normal. Bantulah dan sayangilah mereka agar mereka boleh menjalani kehidupan dengan lebih sempurna.

- **Ketua Penyuntingan (Zs).**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
		
32° C	26° C	33° C
MUARA		
		
32° C	27° C	33° C
PEKAN BANGAR		
		
32° C	25° C	33° C
PEKAN TUTONG		
		
31° C	26° C	32° C
PEKAN SERIA		
		
31° C	26° C	32° C
KUALA BELAIT		
		
31° C	26° C	32° C

Wallahuallam Bissawab
Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
Telefon: 2345567 Talian Coas: 114

وقت سمبھيغ داءيرد بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي بائي داءيرد بروني موارا دري هاري سبتو 6 افريل 2016 برسامان دغن 28 جمادي الاخير 1437 هيفغ
كهاري جمعة 12 افريل 2016 برسامان 4 رجب 1437 اداله سقرت دباوه اين :

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه	هاري	مسيحي
								جمادي الاخير	رابع	افريل
7.38	6.28	3.27	12.24	6.39	6.17	4.59	4.49	28	رابع	6
7.38	6.28	3.27	12.23	6.39	6.17	4.59	4.49	29	خميس	7
7.38	6.28	3.28	12.23	6.39	6.16	4.58	4.48	30	جمعة	8
7.38	6.28	3.28	12.23	6.38	6.16	4.58	4.48	1 رجب	سبتو	9
7.38	6.28	3.29	12.23	6.38	6.15	4.57	4.47	2	احد	10
7.37	6.28	3.29	12.22	6.37	6.15	4.57	4.47	3	اثنين	11
7.37	6.27	3.29	12.22	6.37	6.15	4.57	4.47	4	ثلاث	12

وقت ٢ سمبھيغ بائي داءيرد تونوغ دتمبه ساتو مينيت دان داءيرد بلايت دتمبه نيغ مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسلورود تگارا بروني دارالسلام

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Eksesais Hikmat Bersatu V : Uji keupayaan ABDB



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di Bolkiah Garrison dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Dari muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Penolong Ketua Jabatan ABDB, Kapten Ariffin bin Amit.

Pemerintah ABDB dalam sembah alu-aluannya antara lain menyebarkan HB V/2016 melibatkan semua unit ABDB termasuk Tentera Darat Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei, Tentera Udara Diraja Brunei, Rejimen Pasukan Khas, Jabatan-arah-Jabatanarah di Kementerian Pertahanan dan aset-aset serta kelengkapan ketenteraan.

Manakala taklimat mengenai Eksesais HB V pula disampaikan oleh Pengarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan, Kolonel Haji Abdul Hadi bin Haji Saim yang juga selaku Pengarah Eksesais yang menyatakan eksesais itu bertujuan untuk menilai keupayaan baru ABDB dalam memenuhi misi yang diamanahkan di samping menilai operasi bersama doktrin dan prosedur operasi standard yang

dikemas kini.

Sementara itu, Pemerintah Angkatan Bersama, ABDB, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dalam sembah taklimat operasi juga antara lain menyatakan operasi HB mula dilaksanakan pada tahun 2003 dan tahun ini merupakan kali yang kelima diadakan.

Sejurus selepas itu, DYTMM berkenan beredar bagi menyaksikan secara dekat Pusat Gerakan Bersama dan komponen-komponen di bawah pusat berkenaan di dalam merancang operasi bersama.

Sebelum berangkat menaiki helikopter ke Padang Tembak Galeri Binturan, Penanjong Garison (Field Firing Area,) Binturan, DYTMM berkenan menyaksikan Sidang Media di Muzium ABDB yang mana merupakan salah satu aktiviti dalam senario eksesais tersebut.

DYTMM berkenan menyaksikan operasi Tentera Darat Diraja Brunei dan Rejimen Pasukan Khas ABDB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mencuba salah satu senjata semasa berada di Padang Tembak Galeri Binturan, Penanjong Garison (Field Firing Area,) Binturan.



DYTMM berkenan mendengarkan sembah penerangan ringkas daripada anggota ABDB mengenai latihan tersebut.

DYTM berkenan menyaksikan operasi HB V/2016



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) juga berkenan meneruskan lawatan ke Padang Tembak Galeri Binturan, Penanjong Garison.

TUTONG, Selasa, 5 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) juga berkenan meneruskan lawatan ke Padang Tembak Galeri Binturan, Penanjong Garison.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di sini dijunjung oleh Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Brigadier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Komandan Institut Latihan ABDB, Kolonel Haji Abidin bin Haji Abd. Hamid, selaku Timbalan Pengarah Eksesais.

Selain menyaksikan secara dekat operasi TDDDB dan Rejimen Pasukan Khas ABDB, DYTM juga seterusnya berkenan menggunakan *machine gun* dan *sniper*.

Eksesais Hikmat Bersatu V/2016 kali ini juga melibatkan Batalion Pertama Royal Gurkha Rifles, Pasukan Simpanan Gurkha, Pasukan Polis Diraja Brunei, jabatan-jabatan daerah, beberapa buah mukim dan kampung.

Dengan menaiki helikopter Black Hawk, DYTM seterusnya berkenan berangkat meneruskan lawatan menuju ke Bukit Agok.

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada salah seorang pegawai Tentera Udara Diraja Brunei semasa berangkat ke Bangunan Kawalan Tembakan.

Keberangkatan DYTM di sini dijunjung oleh Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Kolonel (U) Shahril Anwar bin Haji

Ma'awiah.

Semasa di Bukit Agok, DYTM berkenan mendengar taklimat ringkas daripada Pemangku Pemerintah No. 2 Wing, TUDB, 562 Mejar (U) Peter bin Ulat@Yulat di Bangunan Kawalan Tembakan dan seterusnya dijunjung berangkat bagi menyaksikan penembakan Peluru Berpandu Mistral.

Padang Tembak Bukit Agok tersebut mula digunakan sejak tahun 1983 dan pada ketika itu kelengkapan *Rapier* masih digunakan sebelum Peluru Berpandu Mistral.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan mendengar taklimat ringkas daripada Pemangku Pemerintah No. 2 Wing, TUDB, 562 Mejar (U) Peter bin Ulat@Yulat di Bangunan Kawalan Tembakan.



DYTM berkenan bergambar ramai sebelum berangkat meninggalkan Bukit Agok.

Keberangkatan DYTМ ke TLDB

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani, Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi, Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Hamzah
Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji
Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani lembaran kenangan.



DYTM berkenan berangkat bagi Majlis Santap Ringan di Mes Pegawai TLDB.

MUARA, Selasa, 5 April. - Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) juga menjadi tumpuan siri lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan

di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di sini dijunjung oleh Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Sebelum berangkat masuk ke Pangkalan TLDB, DYTМ berkenan

menyaksikan demonstrasi tunjuk perasaan oleh orang awam dan seterusnya meninjau secara dekat Pusat Gerakan TLDB dan sistem pengawalan keselamatan Pangkalan TLDB.

DYTМ juga telah dijunjung berangkat ke KDB DARULAMAN bagi menyaksikan operasi di laut.

Setelah itu, DYTМ berkenan berangkat bagi Majlis Santap Ringan di Mes Pegawai TLDB.

Doa Selamat dibacakan oleh Penolong Ketua Jabatan ABDB, Kapten Ariffin bin Amit.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTМ berkenan menandatangani lembaran kenangan dan seterusnya bergambar ramai.

Sementara itu, Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah ketika ditemui Pelita Brunei menjelaskan, walaupun Eksesais Hikmat Bersatu V/2016 (HB V/2016) merupakan kesinambungan dari Eksesais Perisai Kebangsaan 4/2015 (EPK 4/2015) namun ia ditetapkan pada tahap operasi yang berbeza.

Jelasnya, EPK telah ditetapkan pada operasi pelbagai agensi manakala Eksesais HB V/2016 hanya ditetapkan pada ABDB sahaja atau tahap operasi ABDB.

"Walau bagaimanapun, saya rasa prinsip asas mengenai eksesais ini adalah komunikasi yang mana salah satu isu yang dibangkitkan semasa EPK tahun lepas adalah kepada komunikasi dan pada dasarnya, prinsip-prinsip asas telah diambil perhatian kerana kita perlu berkongsi maklumat. Kita juga perlu untuk menyelaraskan tindakan dan perlu untuk mencapai kepada orang awam dan pihak lain yang berkepentingan," terangnya lagi.

Dalam hubungan ini ujaranya, latihan tersebut juga melibatkan beberapa senario di mana penglibatan pihak media untuk menyampaikan kepada pihak-pihak berkepentingan dan juga beberapa senario di mana mereka menggalakkan penduduk kampung untuk menjadi mata dan telinga kerajaan.

Tambahnya lagi, latihan turut menyelitikan tentang cara-cara menguruskan para media yang mana inilah cara untuk mereka meningkatkan komunikasi antara mereka dan dari segi komunikasi, ABDB tidak mempunyai sebarang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa menyaksikan senario latihan di kawasan perairan berhadapan Jeti Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

masalah untuk menetapkan prosedur piawaian dan sistem perhubungan pihak ABDB sendiri.

Justeru itu katanya, masalah komunikasi bagi latihan kali ini jika dibandingkan dengan EPK adalah kurang kerana EPK melibatkan pelbagai agensi yang beroperasi dan menggunakan komunikasi yang berlainan.

Walau bagaimanapun jelasnya, beberapa perkara perlu lagi didalami daripada latihan-latihan lain contohnya EPK, seperti keperluan untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam dan menguruskan media, serta

menanamkan keyakinan kepada orang awam.

Menyentuh mengenai senario-senario latihan, Pemerintah ABDB menjelaskan, ia merupakan senario-senario yang selalu dilihat di dalam televisyen dan laporan-laporan media mengenai pegganas-pegganas di seluruh dunia yang boleh berlaku bila-bila masa dan di mana saja.

Sebagai anggota keselamatan terangnya, mereka perlu bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran keselamatan seumpama ini, di samping mengurus dan mengawalinya.



DYTM berkenan menerima pesambah yang disebarkan ke hadapan majlis DYTM oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB berkenan bergambar ramai.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff berucap semasa pengengerusan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Keluarga berperanan mantapkan kesejahteraan

Dari muka 1

Adalah sangat menggembirakan bila mana akhir-akhir ini pertemuan keluarga (*reunion*) secara besar-besaran dengan perisian aktiviti yang meriah untuk memupuk perpaduan dan keharmonian di antara setiap ahli keluarga yang terlibat. Dari aspek ini bolehlah kita rumuskan bahawa pada amnya, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, pemedulian dan prihatin yang menyumbang kepada perpaduan dan kesejahteraan masyarakat kita bagi mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Pada amnya, kata Yang Berhormat, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan boleh mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, pemedulian dan prihatin yang menyumbang pada perpaduan dan kesejahteraan masyarakat kita.

Menurut Yang Berhormat lagi, masyarakat di negara ini tidak terkecuali dari menghadapi pelbagai masalah sosial yang berpunca dari kerapuhan institusi keluarga termasuk

penceraian, keganasan rumah tangga, pengabaian keluarga dan warga tua serta keruntuhan akhlak anak-anak.

Yang Berhormat memberitahu, statistik yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah mengenai perangkaan pendaftaran penceraian dan jumlah remaja sukar dikawal yang diterima dari Jabatan Pembangunan Masyarakat di negara ini dari tahun 2012 hingga tahun 2015 menunjukkan peningkatan.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang beberapa kes penganiayaan dan pengabaian keluarga yang tersebar melalui media sosial termasuk kes penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa yang menyalahgunakan dadah, kes pengabaian kanak-kanak kurang upaya dan kes pembuangan anak damit.

"Walaupun pihak-pihak yang berkepentingan telah menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membawa pesalah-pesalah ini ke muka pengadilan dan juga memberikan perlindungan kepada mangsa-mangsa yang terlibat, kita mestilah mempersoalkan keberkesanan

program-program pencegahan yang telah kita laksanakan setakat ini. Tindakan-tindakan reaktif tidak akan dapat memperbaiki ataupun mengurangkan masalah sosial yang semakin mencabar dewasa ini," tegas Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menyatakan, adalah bertepatan sekali Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) memberikan hala tuju agar pelaksanaan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan pada tahun ini direview semula dengan memfokuskan pada penerapan nilai-nilai kekeluargaan yang meliputi kesejahteraan dan fungsi sebuah keluarga.

Jelas Yang Berhormat, memandangkan masalah sosial yang berbangkit dari kelemahan institusi keluarga, merupakan isu nasional, maka tanggungjawab bagi menangani masalah ini seawal dan sesegeranya perlu dipikul bersama.

"Untuk itu, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan merupakan salah satu

mekanisme pencegahan peringkat nasional yang boleh diguna pakai untuk mencerminkan penglibatan dan komitmen tinggi dari semua lapisan masyarakat termasuk sektor swasta melalui tanggungjawab sosial korporat mereka," Yang Berhormat menekankan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sejumlah BND250,000 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Program Pengukuhan Institusi Keluarga pada Belanjawan 2016 - 2017.

Menurut Yang Berhormat, perkara ini menunjukkan pengiktirafan akan pentingnya pengukuhan institusi keluarga dalam menyumbang pada pembangunan dan kemajuan negara ke arah memperkukuhkan kestabilan serta keselamatan sosial, di samping mempertingkatkan kebajikan juga kesejahteraan rakyat dan penduduk di pelbagai peringkat.

1 Mei - Hari Keluarga Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - Hari Keluarga Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam diisytiharkan pada hari Ahad pertama setiap bulan Mei sejak tahun 2012 yang lalu dan pada tahun ini sambutan tersebut jatuh pada 1 Mei yang bersamaan dengan 23 Rejab 1437 Hijrah.

Hari Keluarga Kebangsaan diwujudkan bagi mengiktiraf kepentingan peranan institusi keluarga yang kukuh dan harmoni dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang berdaya tahan dan berdaya maju, di samping mendukung ke arah pembangunan negara yang mantap serta berintegrasi tinggi.

Sebagai persediaan berterusan untuk sambutan tahun ini, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan telah bersidang di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Mesyuarat dipengerusi oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Antara perkara yang dibincangkan ialah persediaan bagi acara kemuncak sambutan dan juga acara-acara lain yang akan diselenggarakan di seluruh negara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff (tengah) mempengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Format sambutan tahun ini telah diteliti semula untuk meningkatkan keberkesanan dan pencapaian objektif Hari Keluarga Kebangsaan, di samping lebih menjurus kepada aktiviti keagamaan sebagai menghormati bulan Rejab.

Antara objektif sambutan adalah

untuk mengukuhkan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui program-program usaha sama yang cekap serta berkesan ke arah melahirkan masyarakat yang berkualiti, meningkatkan kualiti kehidupan dalam berkeluarga dan menggalakkan masyarakat negara ini untuk membina keluarga bahagia yang harmoni juga kukuh serta berdaya tahan.

Aktiviti kemasyarakatan, kesukanan dan riadah yang melibatkan setiap ahli keluarga di segenap lapisan masyarakat adalah digalakkan untuk diraikan sepanjang tahun.

Tema Hari Keluarga Kebangsaan 2016 adalah 'Keluarga Berwawasan', selaras dengan tema Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini yang mana keluarga berwawasan akan melahirkan generasi berwawasan yang bakal mencorak masa depan negara bagi menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang baik serta mendapat pengampunan dan perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha



ANTARA yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Tetap, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil dari sektor swasta juga organisasi-organisasi bukan kerajaan.

Sambutan tahun ini diharap akan lebih ditingkatkan lagi dengan penglibatan aktif segenap lapisan masyarakat termasuk peringkat individu, semua sektor kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak

akar umbi, yang mana pada tahun-tahun sebelumnya, Hari keluarga Kebangsaan telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelbagai pihak dalam mewujudkan kesedaran dan mengiktiraf keluarga sebagai unit asas yang penting dalam membina masyarakat penyayang ke arah keharmonian, kesejahteraan serta perpaduan negara.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016 terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan wakil organisasi bukan kerajaan.

Sosiobudaya, strategik pertumbuhan BIMP -EAGA

BERAKAS, Ahad, 3 April. - Budaya adalah asas yang kukuh untuk pemahaman yang lebih besar, semangat kejiranan yang lebih baik serta rasa tanggungjawab yang dikongsi bersama.

Festival seperti Ekspo Kebudayaan dan Makanan 2016 'Flavours BIMP-EAGA and Beyond : Culture and Food Expo 2016' ini merupakan perantaraan bagi masyarakat yang mempunyai budaya yang berbeza untuk memahami antara satu sama yang lain selain menjadi platform penting dalam pertukaran budaya dan kerjasama serta menggalakkan pemahaman mengenai kepelbagaian dan keharmonian budaya yang berwarna-warni.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Wahab menjelaskan perkara tersebut semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Ekspo Kebudayaan dan Makanan 2016 'Flavours BIMP-EAGA and Beyond : Culture and Food Expo 2016' yang mengambil tempat di Airport Mall, di sini.

Terdahulu, menurut Dayang Hajah Tutiatty, sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan aspek dalam pembangunan wilayah, sosiobudaya adalah merupakan salah satu daripada lima rukun strategik pertumbuhan BIMP-EAGA.

"Pemimpin kita mengakui bahawa



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Wahab (depan, empat dari kiri) ketika hadir pada Majlis Penutup Ekspo Kebudayaan dan Makanan 2016 'Flavours BIMP-EAGA and Beyond : Culture and Food Expo 2016' di Airport Mall, Berakas.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

rukun strategik ini akan menyumbang dalam merealisasikan sub-serantau iaitu orang yang bertanggungjawab secara sosial dan mencipta kepelbagaian sektor serta

program-program yang menggalakkan pendidikan, sosial, sukan dan pertukaran budaya dalam negara-negara ahli yang juga melibatkan para pelajar dan belia," ujarnya.

Tujuan utama ekspo adalah untuk menggalakkan pertukaran budaya antara negara-negara BIMP-EAGA serta berkongsi beberapa aspek budaya tradisional dan makanan daripada etnik-etnik kawasan BIMP-EAGA dan pada masa yang sama berkhidmat sebagai batu loncatan untuk

menggalakkan lagi pembangunan ekonomi di rantau ini.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga berkesudian menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan yang diadakan di sepanjang ekspo berlangsung.

Antara acara-acara yang diadakan ialah Pameran Cara 'Menumpang Ambuyat' dari Restoran Aminah Arif, demonstrasi hidangan dari restoran-restoran yang menyertai, pameran Majlis 'Berbedak' dari Zella Boutique Bridal serta demonstrasi cara 'Ikatan Sinjang' dan 'Lipatan Tanjak' dari The MCYS.

Ekspo ini turut menampilkan

persembahan kebudayaan daripada empat ahli Negara BIMP-EAGA yang mempamerkan tarian tradisional, lagu, permainan termasuk demonstrasi masakan dari chef terkenal dari beberapa restoran antaranya, The Royal Brunei Catering Sendirian Berhad, Soriso Restoran, Energy Kitchen, High Frequency, Star Lodge Hotel Restaurant serta demonstrasi masakan khas di mana para penonton yang hadir juga dapat belajar dan menikmati hidangan yang disediakan.

Juga hadir ialah Pengerusi Majlis Perniagaan BIMP-EAGA Brunei Darussalam, Pengiran Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof.



MAJLIS penutup ekspo diserikan dengan tarian asli Brunei daripada penari-penari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

GOG UBD anjurkan Siri Ceramah Ke-4 pada 9 April

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU, Sabtu, 2 April. - Persatuan Siswazah Universiti Brunei Darussalam (The Guild of Graduates of Universiti Brunei Darussalam - GOG UBD) akan menganjurkan Siri Ceramah Ke-4 pada hari Sabtu, 9 April 2016 di Inspiring Hall, Pusat Pelajar, UBD, di sini.

Siri Ceramah ini merupakan seminar pendidikan yang bertujuan untuk membantu alumni dan para pelajar universiti untuk membangunkan keyakinan, kemahiran, dan menanamkan idea-idea akan persekitaran kerja dalam dunia perniagaan.

Antara objektif Siri Ceramah adalah untuk memberi sokongan dan sumbangan kepada masyarakat UBD dan memupuk persediaan para graduan dalam kerjaya masing-masing serta membantu universiti untuk melahirkan graduan profesional yang serba boleh.

Selain itu juga, Siri Ceramah ini adalah bagi mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan ilmu akademik dan bukan akademik serta kemahiran kurikulum tambahan untuk para graduan bagi memasarkan diri mereka

kepada majikan yang berpotensi; memberi pendedahan kepada para graduan tentang kemahiran dan pengetahuan mengenai pembangunan kerjaya di luar kehidupan universiti; dan menggalakkan alumni, pelajar dan profesional yang bekerja untuk membina rangkaian dan berkongsi pengetahuan.

Siri Ceramah Ke-4 ini akan disampaikan oleh dua orang penceramah awam yang berpengalaman iaitu Awang Harliff bin Mohammad dari Regal Blue Production, dan Awang Syen Sofian dari Syen Sai Mediabase. Kedua-dua mereka ini terlibat secara aktif dalam industri kreatif.

Orang ramai bolehlah menghadiri Siri Ceramah ini secara percuma.

Persatuan Siswazah adalah sebuah badan profesional yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan perpaduan serta menyediakan kepimpinan dan peluang-peluang baru yang memberi manfaat kepada rakan-rakan alumni dan universiti secara keseluruhan dari segi masa, kepakaran dan sokongan kewangan.

Program Penerokaan Kerjaya, Hala Tuju beri manfaat



ANTARA pihak yang terlibat dalam pameran yang dianjurkan.

KUALA BELAIT, Isnin, 4 April. - Unit Pengajian Tinggi dan Kerjaya Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA) dengan kerjasama Unit Kerjaya dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan menganjurkan Program Penerokaan Kerjaya dan Hala Tuju untuk pelajar di sekolah tersebut dan terbuka kepada pelajar dari institusi-institusi swasta di Daerah Belait.

Objektif utamanya memberi

peluang kepada pelajar untuk membuat pemikiran sama ada melanjutkan pendidikan ke pengajian tinggi atau memilih kerjaya untuk masa depan serta berpeluang untuk bertanya soalan kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti biasiswa dan syarat kemasukan ke pendidikan tinggi.

Pelajar-pelajar juga diberi ceramah oleh agensi yang terpilih, peluang sedemikian menggalakkan pelajar

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

untuk mengetahui lebih lanjut mengenai setiap institusi dan harapan untuk melihat pelbagai peluang serta pilihan kerjaya yang ditawarkan juga mendedahkan mereka pada pelbagai jenis pilihan kerjaya.

Lebih daripada 20 agensi mengikuti pameran termasuk institusi tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) serta para pelajar dari sektor swasta seperti Micronet International College dan Kemuda Institute yang diadakan di SMSA, di sini.

Turut hadir pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan Ukur, Kejururawatan, Pergigian dan Pelancongan dan Pertanian. Pendidikan Amerika Syarikat, British Council serta Austrade, Suruhanjaya Tinggi Australia juga turut hadir mengongsikan maklumat mengenai peluang dan alternatif pendidikan di luar negara.

Penerokaan kerjaya merupakan satu program yang memberi tumpuan pada keperluan pelajar Pra U serta hala tuju yang lebih tertumpu pada permintaan daripada pelajar sekolah menengah.

Hadir sama ialah Pengetua SMSA, Pengiran Hajah Zainon binti Pengiran Mudin serta Timbalan-Timbalan Pengetua, Awang Haji Mohamad Saiful Bahrin bin Haji Sabli dan Awang Mohammad Shamry bin Haji Mohd. Sani.



PEMANGKU Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman (kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Pelancaran Bengkel Belia Berinovasi : Keusahawanan Brunei 2016.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - Bengkel Belia Berinovasi : Keusahawanan Brunei (Enterprising Brunei : Innovative Youth Workshop 2016) menggalakkan golongan belia agar meraih kemahiran keusahawanan melalui wadah inovasi.

Bengkel yang bermula 4 April dan berakhir 7 April itu nanti dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman, berlangsung di One Stop Centre, Kampus Politeknik Brunei, Ong Sum Ping, di sini.

Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu

Bakar dalam ucapan alu-aluannya berkata, Politeknik Brunei melalui Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif (Centre for Innovative Teaching and Learning - CiTL) mengambil inisiatif bagi menganjurkan bengkel berkenaan dalam usaha untuk mengambil peluang-peluang dan manfaat keusahawanan untuk pelajar-pelajar muda, para usahawan dan masyarakat.

Sepanjang bengkel ini jelasnya, para peserta akan mempelajari mengenai halangan untuk memulakan perusahaannya dan bagaimana untuk mengatasinya selain manfaat untuk

Pupuk semangat keusahawanan

memulakan perniagaan mereka sendiri, sifat-sifat keusahawanan, penajaan idea - perniagaan, produk atau perkhidmatan, inovasi - mencipta produk atau perkhidmatan baharu atau mengubah suai yang sedia ada serta menetapkan idea dan penyelidikan pasaran dan perancangan.

Aktiviti terakhir tambah beliau, merupakan pertandingan yang melibatkan setiap kumpulan untuk menghasilkan satu produk inovatif atau idea perniagaan dan seterusnya membentangkannya kepada kumpulan lain di mana pemenang pertandingan akan menerima hadiah wang tunai berserta sijil.

"Kami sangat teruja kerana BIBD sangat bermurah hati untuk menyokong bengkel ini dan keseluruhan acara. Kerjasama antara Politeknik Brunei dan BIBD diharap akan dapat menyediakan peluang bagi pelajar-pelajar kita, pelajar muda dan usahawan muda keyakinan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri, untuk menjadi lebih berdaya usaha dan kreatif, serta meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka termasuk pembangunan kepimpinan, pembangunan kemahiran peribadi dan sosial, dan mampu untuk *pitch idea* perniagaan contohnya mengembangkan kemahiran penyampaian dan yang lebih penting meningkatkan tahap keyakinan mereka," ujar Awang Alias.

Seramai lebih 120 pelajar menyertai

bengkel tersebut, mewakili pelbagai peringkat pendidikan daripada diploma, menengah dan rendah antaranya daripada Politeknik Brunei, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Rendah Mabohai dan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bengkel dianjurkan oleh Ketua CiTL, Politeknik Brunei, Dr. Malai Zeiti binti Sheikh Abdul Hamid yang juga selaku Pengurus Projek dalam usaha mendukung tithat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melibatkan belia dalam keusahawanan dan memupuk semangat dan kemahiran berdaya usaha.

Seorang pakar keusahawanan terkemuka dari United Kingdom iaitu Pengarah Solomon Ash Limited, Mohammed Arshed Butt diundang selaku fasilitator bengkel, yang mana beliau sering kali diundang bagi mengongsikan pengalamannya dalam pelbagai program keusahawanan di luar negara.

Solomon Ash Limited, United Kingdom pula merupakan sebuah syarikat yang mengkhususkan kepada pembangunan perniagaan dan komuniti, antara lain menggalakkan keusahawanan, merangsang pertumbuhan untuk perniagaan dan meningkatkan taraf kepimpinan dan

pengurusan dalam organisasi ke arah usaha untuk memacu kemakmuran ekonomi dan sosial.

Projek yang julung-julung kali diadakan oleh Politeknik Brunei ini antara lain bertujuan bagi memberi kesedaran untuk memupuk kemahiran keusahawanan, berdikari dan menjadi proaktif dalam dunia hari ini yang pantas dan mencabar.



PEMANGKU Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada bengkel tersebut.

Timba pengetahuan, tingkatkan kemahiran keusahawanan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - Para peserta Bengkel Belia Berinovasi : Keusahawanan Brunei (Enterprising Brunei : Innovating Youth Workshop) 2016 diharap agar dapat meraih ilham bagi memulakan perniagaan sendiri atau menggunakan bengkel tersebut untuk meningkatkan perniagaan yang sudah ada.

Harapan disuarakan oleh Pengurus

Projek, Dr. Malai Zeiti binti Sheikh Abdul Hamid sejeurus selepas pelancaran Bengkel Belia Berinovasi : Keusahawanan Brunei 2016 di One Stop Centre, Kampus Politeknik Brunei di Ong Sum Ping.

Dr. Malai Zeiti yang juga Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif (Centre for Innovative Teaching and Learning - CiTL)

Politeknik Brunei menjelaskan, bengkel yang dianjurkan oleh Politeknik Brunei dihasrat akan dapat memupuk minat para pelajar untuk menjadi usahawan pada masa akan datang tidak terlalu bergantung kepada sektor kerajaan.

Perancangan untuk mengadakan bengkel seumpama ujan, sudah lama dihasratkan oleh Politeknik Brunei khusus bagi para pelajar kerana merasakan kekurangan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar ketika ini dan perlunya skop untuk mereka mempelajari sesuatu.

Bengkel ini jelasnya, akan diisikan

dengan penyampaian antaranya mengenai halangan untuk memulakan perusahaannya dan bagaimana untuk mengatasinya selain manfaat untuk memulakan perniagaan mereka sendiri, sifat-sifat keusahawanan, penajaan idea - perniagaan, produk atau perkhidmatan, inovasi - mencipta produk atau perkhidmatan baharu atau mengubah suai yang sedia ada serta menetapkan idea dan penyelidikan pasaran dan perancangan.

Menurutnya, fasilitator yang diundang khas bagi menjayakan bengkel iaitu Pengarah Solomon Ash Limited, United Kingdom (UK), Mohammed Arshed Butt merupakan seorang pakar dalam bidang keusahawanan yang sudah berkecimpung dalam bidang tersebut selama lebih 10 tahun dan telah berkhidmat dengan pelbagai agensi di UK.

Selain mengongsikan mengenai asas-asas dalam menubuhkan perniagaan, cabaran dan halangan, katanya lagi, Mohammed Arshed Butt juga akan menyentuh mengenai perniagaan dalam Islam antaranya tata cara yang betul berniaga dalam Islam, mengenai riba dan sebagainya.

Melalui bengkel ini jelas Dr. Malai Zeiti, para peserta digalakkan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dan berfikir lebih jauh think outside the box umpamanya menjadi lebih kreatif dan berdaya usaha selain mereka juga akan dapat mengembangkan dan meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka termasuk pembangunan kepimpinan.

Pada masa yang sama jelasnya, para peserta juga akan dapat



PENGURUS Projek, Dr. Malai Zeiti binti Sheikh Abdul Hamid yang juga selaku Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif (CiTL), Politeknik Brunei semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

mengembangkan kemahiran sosial dan peribadi dan mampu menyuarakan idea-idea perniagaan serta meningkatkan keyakinan mereka secara keseluruhan serta meraih kemahiran berdikari.

Beliau berharap melalui bengkel tersebut para peserta akan dapat membina idea-idea perniagaan mereka dan seterusnya mencari penaja dan menyuarakan idea-idea kepada organisasi-organisasi yang berkemungkinan berminat untuk membiayai idea perniagaan mereka.

Hasil daripada bengkel tersebut nanti, para peserta akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam kajian penyelidikan, berdasarkan daripada bengkel serta mengambil bahagian dalam pertandingan kebangsaan yang akan dianjurkan oleh CiTL, susulan daripada bengkel berkenaan.



ANTARA peserta yang hadir pada pelancaran bengkel tersebut.

Aktiviti luar pemulihan jantung

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Ahad, 3 April. - Kajian menunjukkan bahawa pesakit yang mengambil bahagian dalam mana-mana program pemulihan jantung lebih terhindar dari serangan penyakit jantung berbanding dengan pesakit yang tidak pernah menghadiri program tersebut.

Program itu memberi maklumat kepada pesakit jantung tentang risiko-risiko yang mereka hadapi, membantu dalam meningkatkan profil faktor risiko mereka dan menunjukkan kepada mereka bahawa mereka boleh

melibatkan diri dalam latihan selepas menjalani pembedahan jantung melalui kaedah rawatan *balloning*, *stenting*, *bypass surgery* atau *valve surgery*.

Sehubungan itu, Kumpulan Pemulihan Jantung yang terdiri daripada kakitangan Jurupulih Cara Kerja serta jururawat dengan sokongan dari Unit Kardiologi dan Jabatan Kecemasan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), menganjurkan Aktiviti Luar Pemulihan Jantung Fasa Ke-3



ACARA yang diadakan setiap tahun itu bukan sahaja untuk mereka yang mempunyai masalah penyakit jantung malah juga dibukakan kepada ahli-ahli keluarga pesakit.



PARA pesakit jantung menjalani Aktiviti Luar Pemulihan Jantung Fasa Ke-3.

bertempat di Taman Teknologi Agro, Tungku, di sini.

Aktiviti tersebut adalah sebagai usaha untuk mengumpulkan pesakit-pesakit jantung yang telah menamatkan program pemulihan jantung bagi melakukan kegiatan fizikal bersama-sama.

Aktiviti dimulakan dengan senaman memanaskan badan dan diikuti dengan program pemulihan jantung yang terbahagi pada sesi latihan di bawah penyeliaan kumpulan pemulihan jantung dan sesi pendidikan, kedua-dua komponen ini merupakan

asas penting pada program tersebut.

Program berkenaan bertujuan untuk mencegah pesakit dari mendapat serangan jantung kedua, mengubah gaya hidup tidak sihat juga meningkatkan kualiti hidup mereka.

Di samping itu, ia juga dapat membantu menguatkan pesakit yang menghadapi masalah jantung dengan meningkatkan kemahiran pengurusan diri dalam menangani faktor-faktor risiko termasuk tekanan darah tinggi, paras kolesterol tinggi, tahap gula yang tinggi, berat badan berlebihan, merokok dan tidak aktif.

Acara yang diadakan setiap tahun itu bukan sahaja untuk mereka yang mempunyai masalah penyakit jantung malah juga dibukakan kepada ahli-ahli keluarga pesakit.

Pemulihan jantung merupakan salah satu kaedah yang berkesan secara klinikal dan kos efektif dalam pengurusan penyakit kardiovaskular.

Mereka yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Program Pemulihan Jantung bolehlah menghubungi melalui talian +673 2242424 sambungan 6133 (Jong) atau 5818 (Hajah Rogayah).

Pemenang Minda Pembaca!



Praktikkan falsafah MIB sebagai cara hidup

MELAYU Islam Beraja (MIB) telah menjadi falsafah bagi Negara Brunei Darussalam sejak sekian lama. Oleh itu, wajar bagi rakyat Brunei untuk menghayati serta memahami konsep MIB sekali gus mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Namun, konsep yang dinamakan MIB ini kian pudar dalam diri seseorang mengikut peredaran masa lebih-lebih lagi pada zaman serba moden ini.

Bagi mengukuhkan konsep ini, rakyat haruslah mempraktikkannya dengan pelbagai cara selaras dengan konsep MIB. Misalnya, kita boleh mengadakan gotong-royong di sekolah-sekolah atau perumahan. Dengan ini, rakyat boleh menjadi sukarelawan dalam aktiviti tersebut dengan memberikan sumbangan terhadap pembangunan sosial, budaya dan sukan. Ia membolehkan rakyat menyemai dan memupuk sikap kerjasama dalam masyarakat.

Jika difikirkan semula, golongan belia sepatutnya diberi tanggungjawab dalam

meneruskan konsep ini demi kemajuan negara agar sentiasa kekal sepanjang zaman. Mereka merupakan pemangkin masa hadapan negara. Rakyat Brunei juga dapat menghayati konsep MIB dengan memupuk rasa cinta terhadap tanah air iaitu sikap patriotisme terhadap negara. Hal ini kerana, ia dapat melatih diri supaya sentiasa berdisiplin dalam semua aspek kehidupan.

Sehubungan itu, menghayati MIB sebagai cara hidup dapat mendidik diri supaya sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi dengan nilai moral yang terdapat di sekeliling kita. Ini dapat melahirkan generasi yang berwibawa dan berakhlak mulia pada zaman akan datang. Dengan menghayati konsep MIB, sudah tentu perkara ini dapat memberikan keharmonian dan kemakmuran kepada negara. Kesimpulannya, MIB hendaklah sentiasa diterapkan di dalam diri rakyat agar sentiasa mekar kerana ia penting untuk generasi seterusnya.

Nama : Dayang Nurjehan Hamizah binti Haji Abd Latip

No. K/P : 01-107276 (K)

Alamat : No. 12, Simpang 364-45-9, Kampung Mata-Mata Gadong BE1718, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah Atasi Kemusnahan Hutan'. Tarikh Tutup : 6 April 2016.
2. 'Jimat Gunakan Air, Elak Pembaziran'. Tarikh Tutup : 13 April 2016.
3. 'Produk Kampung Bantu Jana Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 20 April 2016.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Perihal sembahyang duduk

Beberapa Permasalahan Mengenai Sembahyang Duduk

1. Mampu berdiri, tetapi tidak mampu *ruku'* dan sujud.

Jika seseorang mampu berdiri, akan tetapi dia tidak mampu *ruku'* dan sujud, umpamanya disebabkan terdapat masalah pada bahagian belakangnya, maka wajib ke atasnya mengerjakan sembahyang dengan berdiri. Adapun rukuk dan sujud dilakukan dalam keadaan berdiri dengan membongkokkan tulang belakangnya sekadar yang dia mampu sahaja.

Jika dia tidak mampu membongkokkan tulang belakangnya untuk *ruku'* dan sujud, maka hendaklah dia menundukkan leher dan kepalanya, dan jika tidak mampu juga maka hendaklah dengan isyarat.

Dalam keadaan di atas, menurut Imam al-Halabi, apabila seseorang itu selesai melakukan sujud pertama dengan isyarat ketika dalam keadaan berdiri, kemudian dia melakukan duduk di antara dua sujud seperti biasa, setelah itu hendaklah dia melakukan sujud kedua dengan isyarat dalam keadaan dia duduk bukan dengan berdiri. Ini kerana sujud keduanya dalam keadaan dia duduk itu lebih dekat dengan tempat sujud.

2. Mampu berdiri dan berbaring sahaja.

Jika seseorang mampu berdiri dan berbaring sahaja, dan tidak mampu duduk, maka hendaklah dia mengerjakan sembahyang dengan berdiri dan memberi isyarat *ruku'* dan sujud sekadar yang mampu. Demikian juga dalam melakukan *tasyahhud* (*tahiyat*), hendaklah dia melakukannya dalam keadaan berdiri.

JIKA seseorang mampu berdiri, akan tetapi dia tidak mampu ruku' dan sujud, umpamanya disebabkan terdapat masalah pada bahagian belakangnya, maka wajib ke atasnya mengerjakan sembahyang dengan berdiri. Adapun rukuk dan sujud dilakukan dalam keadaan berdiri dengan membongkokkan tulang belakangnya sekadar yang dia mampu sahaja.

Keluaran Kedua

3. Mampu berdiri apabila sembahyang bersendirian sahaja.

Jika seseorang mampu berdiri apabila sembahyang bersendirian, tetapi menghadapi kesulitan untuk berdiri apabila sembahyang berjemaah, melainkan dengan duduk pada sebahagian sembahyangnya, maka dalam keadaan tersebut, adalah *afdhal* baginya untuk sembahyang bersendirian sahaja. Namun sembahyangnya tetap sah jika dia berjemaah dan duduk pada sebahagian sembahyangnya itu.

4. Berlaku keuzuran di pertengahan sembahyang.

Apabila seorang yang sihat menunaikan sembahyang seperti biasa, tiba-tiba berlaku keuzuran yang menyebabkannya tidak mampu untuk berdiri, maka dalam hal tersebut harus dia melakukan daripada keadaan yang dia tidak mampu, iaitu berdiri kepada yang termampu olehnya, iaitu duduk.

Jika berlaku keuzuran ketika dia sedang membaca sebahagian Surah Al-Fatihah, wajib dia meneruskan bacaan Al-Fatihah dalam waktu dia bergerak merendah untuk duduk itu.

5. Hilang keuzuran di pertengahan sembahyang.

Apabila seorang yang uzur mengerjakan sembahyang dengan cara duduk, tiba-tiba hilang keuzurannya dan mampu untuk berdiri, maka wajib baginya untuk segera bangkit dan berdiri.

Jika dia mampu untuk berdiri disebabkan hilang keuzuran atau berkurangan keuzurannya sebelum dia membaca Surah Al-Fatihah, maka hendaklah dia bangkit berdiri dan membaca Surah Al-Fatihah dalam keadaan berdiri.

Demikian juga, jika dia berdaya untuk berdiri disebabkan hilang atau berkurangan keuzuran ketika dia sedang membaca Surah Al-Fatihah, maka hendaklah dia bangkit dan menyambung bacaannya setelah dia sempurna berdiri. Wajib ke atasnya untuk tidak meneruskan membaca Surah Al-Fatihah sehinggalah dia sempurna berdiri kerana tidak memadai atau tidak dikira

bacaannya jika dia membacanya ketika bergerak untuk berdiri.

Adapun jika dia mampu untuk berdiri setelah selesai membaca Surah Al-Fatihah sebelum lagi melakukan rukuk, maka hendaklah dia bangkit berdiri untuk tunduk *ruku'* tanpa perlu *thuma'ninah* dan disunatkan untuk membaca semula Surah Al-Fatihah dalam keadaan berdiri sebelum *ruku'*.


Dalam keadaan yang lain pula, jika seorang bersembahyang duduk lalu hilang keuzurannya ketika dia melakukan *ruku'* dalam keadaan duduk dan sebelum *thuma'ninah*, maka hendaklah dia terus berdiri dalam keadaan *ruku'* dan jangan berdiri tegak. Sembahyangnya menjadi batal jika dia berdiri tegak terlebih dahulu dan kemudian baru rukuk. Ini adalah kerana jika dia berdiri tegak terlebih dahulu, nescaya dia menambah rukun *fi'li* sembahyang, iaitu berdiri.

Manakala jika keuzurannya itu hilang selepas *thuma'ninah*, maka *ruku'*nya adalah sempurna dan wajib dia berdiri dalam keadaan *i'tidal* kemudian baharulah dia sujud tanpa perlu *ruku'*. Jika dia melakukan *ruku'*, sembahyangnya menjadi batal kerana dia menambah satu lagi rukun *fi'li* sembahyang, iaitu *ruku'*.

Jika keuzurannya hilang ketika melakukan *i'tidal* dalam keadaan duduk sebelum berlaku *thuma'ninah*, maka hendaklah dia bangkit berdiri untuk *i'tidal* dan *thuma'ninah*. Sementara itu, jika keuzurannya hilang selepas berlaku *thuma'ninah*, maka menurut pendapat yang ashah, tidak perlu lagi dia berdiri supaya tidak berlaku perbuatan memanjangkan tempoh *i'tidal*, kerana *i'tidal* merupakan rukun pendek. Adapun jika keuzurannya hilang selepas *thuma'ninah* di rakaat kedua Sembahyang Subuh, sebelum dia membaca Doa *Qunut*, maka hendaklah dia bangkit berdiri untuk membaca Doa *Qunut*. Jika dia tidak bangkit berdiri namun dia terus membaca Doa *Qunut* dalam keadaannya duduk, maka batal sembahyangnya kerana perbuatan tersebut dikira menambah perbuatan duduk yang bukan sepatutnya.

6. Tidak mampu berdiri lama.

Seseorang yang ada keuzuran untuk berdiri pada kadar yang lama, iaitu dia hanya mampu untuk berdiri sekadar sempat untuk membaca



Surah Al-Fatihah sahaja dan jika dia membaca surah lain selepas itu, nescaya dia tidak mampu lagi untuk berdiri, dalam hal yang demikian, *afdhal* baginya membaca Surah Al-Fatihah sahaja tanpa membaca surah lain selepas Al-Fatihah itu. Ini kerana menjaga rukun sembahyang (berdiri) itu adalah lebih utama.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat diambil kesimpulan bahawa setiap rukun di dalam sembahyang fardhu tetap wajib untuk dikerjakan oleh setiap *mukallaf* mengikut kadar kemampuannya.

Antaranya, bagi seseorang yang mempunyai keuzuran sehingga menyebabkan dia tidak mampu berdiri, akan tetapi dia mampu untuk duduk, maka dia hendaklah mengerjakan rukun berdiri dengan cara duduk mengikut ketetapan seperti yang telah dijelaskan. Pahala sembahyangnya sama sahaja seperti pahala sembahyang yang dikerjakan dengan berdiri.

Sementara itu pula, diharuskan mengerjakan sembahyang sunat dalam keadaan duduk walaupun seseorang itu mampu untuk berdiri. Walau bagaimanapun, pahala sembahyang sunat yang dikerjakan dengan berdiri.

Kebahagiaan dalam berumah tangga

RUMAH tangga menurut Islam ialah suatu cara hidup atau suatu bentuk kehidupan yang diikat dengan akad perkahwinan serta diperkuatkan dengan beberapa undang-undang dan peraturan yang diluluskan oleh Islam yang terdiri dari seorang suami dan seorang isteri atau beberapa orang isteri dan anak-anak dan sebagainya.

Apabila mendirikan rumah tangga, sebagai seorang suami atau seorang bapa, maka Islam meletakkannya sebagai ketua dalam rumah tangga dengan menanggung beberapa kewajipan iaitu, antaranya :

- Memberi sara hidup zahir dan batin terhadap isteri serta nafkah terhadap anak-anaknya. Menyediakan segala keperluan hidup menurut kemampuan serta mengadakan tempat kediaman yang sesuai.
- Membentuk keluarga bahagia termasuk memberi pengajaran dan pendidikan yang sempurna menurut Islam.
- Mempunyai sifat bertimbang rasa dan lapang dada serta pastikan sentiasa mematuhi perintah-perintah Allah.
- Berusaha bagi melahirkan persefahaman dan kasih sayang serta menjamin kerukunan dan ketenteraman rumah tangga.

Manakala peranan wanita sebagai isteri dan ibu pula antaranya ialah :

- Bertanggungjawab bagi melahirkan zuriat, keturunan bani insan dan memperbanyakkan umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.
- Selain dari mentaati Allah dan Rasul, isteri juga berkewajipan mentaati suami selagi tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak Islam.
- Berkewajipan memelihara diri dan melayani kehendak-kehendak suaminya yang tidak terkeluar dari nilai-nilai perikemanusiaan.
- Menjaga dan memelihara harta benda suami dengan penuh amanah lagi bertanggungjawab.



- Memelihara dan menguruskan rumah tangga dengan baik lagi sempurna serta mengawal anak-anaknya.

Adalah menjadi harapan bagi setiap pasangan suami dan isteri untuk melahirkan keluarga yang bahagia dalam sebuah rumah tangga. Islam telah meletakkan beberapa garis panduan bermula dari pemilihan pasangan hidup itu sendiri. Sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Dikahwinkan seseorang perempuan itu berdasarkan kepada empat perkara, pertama, kerana kekayaannya, kedua, kerana kecantikannya, ketiga, kerana bangsanya, keempat, kerana agamanya. Maka pilihlah perempuan yang kuat pegangan agamanya nescaya membahagiakan dikau."

Berdasarkan daripada hadits tersebut, ia jelas menjadi garis panduan bagi mendapatkan pasangan hidup dengan berdasarkan kepada empat faktor iaitu kerana kekayaannya, kecantikannya, bangsanya dan agamanya. Memandangkan kesukaran pada zaman ini untuk mendapatkan perempuan yang mempunyai ciri atau sifat seperti yang disarankan Rasulullah, maka Baginda Rasulullah menyarankan supaya pilihan muktamad hendaklah berdasarkan kepada agama atau perempuan yang berpendidikan agama Islam kerana dengan ini akan memudahkan dan menolong kita ke arah pembentukan keluarga yang *sakinah* dan

mawaddah.

Dalam kehidupan berumah tangga, kaum lelaki mempunyai kelebihan sehingga diletakkan sebagai ketua rumah tangga dan hak suami itu menjadi kewajipan isteri, sebagaimana firman Allah dalam Surah An-Nisaa', ayat 34 yang tafsirnya :

"Laki-laki adalah pemimpin terhadap kaum perempuan kerana Allah telah melebihkan laki-laki (dengan beberapa keistimewaan) atas kaum perempuan dan juga kerana laki-laki memberi nafkah daripada harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya) memelihara kehormatan dirinya dan menjaga hak-hak suami ketika suami tidak ada bersamanya dengan memelihara Allah. Dan perempuan-perempuan yang kamu khawatiri melakukan perbuatan derhaka (*nusyuz*) maka nasihatlah mereka dan (jika tidak ada perubahan dan mereka tetap berdegil) pisahkanlah tempat tidur mereka dan (kalau masih degil juga) pukullah mereka (dengan pukulan yang ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka telah mentaati kamu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah adalah Maha Tinggi lagi Maha Besar."

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Jika aku memerintahkan seseorang untuk sujud pada yang lain, maka tentu aku akan memerintahkan para wanita untuk sujud pada suaminya kerana Allah telah menjadikan begitu besarnya hak suami yang menjadi kewajipan isteri."

Isteri yang taat kepada suaminya akan menyebabkannya masuk syurga sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda yang bermaksud : "Jika seorang wanita selalu menjaga sembahyang fardu lima waktu, berpuasa sebulan (di bulan Ramadan), serta betul-betul menjaga kemaluannya (dari perbuatan zina) dan benar-benar taat pada suaminya, maka dikatakan pada wanita yang memiliki sifat mulia ini; masuklah kedalam syurga melalui mana-mana pintu yang engkau suka."

Manakala jika isteri tidak taat kepada suami seperti enggan mematuhi kehendak suaminya untuk berjima' bukan disebabkan adanya uzur syar'ie maka ia adalah suatu sikap yang dilarang oleh Islam lagi dikutuk oleh para malaikat. Perkara ini dijelaskan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Apabila suami mengajak isterinya ke tempat tidur, lalu isteri menolak, maka tidurlah suami itu dengan perasaan marahnya, nescaya dikutuk ke atasnya (isteri) oleh malaikat hingga menjelang subuh."

Sesungguhnya hakikat kehidupan yang *sakinah* adalah suatu kehidupan yang dilandasi mawaddah warahmah (cinta dan kasih sayang) dari Allah Subhanahu Wata'ala iaitu sebuah kehidupan yang diredai oleh Allah dengan cara melakukan setiap apa yang diperintahkan dan meninggalkan segala apa yang dilarang oleh Allah dan rasul-Nya.

Maka dapat disimpulkan bahawa hakikat sebuah kehidupan rumah tangga yang *sakinah* adalah terletak pada penerapan nilai-nilai agama dalam kehidupan berumah tangga yang bertujuan mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Fath, ayat 4 yang tafsirnya :

"Dialah yang telah menurunkan ketenangan dalam hati orang-orang yang beriman supaya keimanan mereka bertambah, di samping keimanan mereka yang sedia ada."

Lahirkan generasi Al-Quran

Oleh :
Noriah Haji Abdul Hamid

JABATAN Pengajian Islam (JPI) sangat menitikberatkan kepentingan bacaan Al-Quran murid-murid di persekolahan agama sebagai salah satu mekanisme untuk melahirkan 'Generasi Al-Quran'. Ini sejajar dengan matlamat Wawasan 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dan Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur dengan menerapkan nilai-nilai teras iaitu berpegang teguh kepada nilai Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan berpandukan Mazhab Shafie berpaksikan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Ke arah melahirkan murid-murid Muslim yang sejati, Bahagian Sekolah Agama, JPI terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi pembacaan Al-Quran bagi murid-murid sekolah agama dengan beberapa inisiatif, aktiviti dan program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh jabatan berkenaan.

Dalam konteks ini, JPI melalui Bahagian Sekolah Agama telah mengendalikan Program Satu Minggu Satu Juzu' yang disasarkan kepada murid-murid di sekolah-sekolah agama dengan bimbingan guru kelas atau guru Al-Quran. Di samping itu, program tersebut adalah bertujuan untuk memantapkan lagi pembacaan Al-Quran dan meningkatkan lagi jumlah bilangan murid-murid yang khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun.

KAWASAN/ DAERAH	JUMLAH PESERTA PROGRAM SATU MINGGU SATU JUZU' MENGIKUT KELAS/DARJAH							JUMLAH KESELURUHAN
	PRA	I	II	III	IV	V	VI	
BRUNEI I	8	18	76	63	80	97	189	530
BRUNEI IIA	8	39	58	70	106	204	143	728
BRUNEI IIB	16	42	82	67	96	162	278	743
BRUNEI III	70	78	154	187	304	280	413	1486
BRUNEI IV	12	56	67	122	174	188	306	925
BELAIT	6	29	58	72	120	160	231	676
TUTONG	10	32	91	108	196	192	252	880
TEMBURONG	2	7	25	27	35	42	99	237
JUMLAH	132	301	611	716	1111	1325	1911	6205

RAJAH 1 Program Satu Minggu Satu Juzu' mengikut kawasan dan daerah.

Pelancaran program berkenaan telah pun diadakan pada 1 Februari 2016 oleh Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya, bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Serusop.

OBJEKTIF

Antara objektif Program Satu Minggu Satu Juzu' ialah memantapkan lagi pembacaan Al-Quran murid-murid sekolah agama.

Selain itu, ia juga adalah bagi mendidik murid-murid supaya sentiasa membaca Al-Quran sebagai amalan harian.

Objektif program ini juga adalah agar murid-murid sekolah agama dapat mengkhataamkan bacaan Al-Quran di samping meningkatkan lagi jumlah murid-murid yang di

bawah umur 10 tahun khatam Al-Quran.

SASARAN

Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang disasarkan kepada murid-murid kelas Pra, hingga Darjah VI sekolah-sekolah agama seluruh negara yang boleh membaca Al-Quran dengan fasih dan lancar serta mampu mengkhataamkan 30 juzu' Al-Quran dalam tempoh yang ditetapkan. Murid-murid akan dibimbing oleh guru kelas atau guru Al-Quran yang dikategorikan sebagai 'Anak Angkat'.

Setakat ini, seramai 6,205 orang murid yang menyertai Program Satu Minggu Satu Juzu' mengikut kawasan dan daerah sepertimana Rajah 1.

PELAKSANAAN

Program ini akan diadakan



MURID-MURID dididik agar sentiasa membaca Al-Quran sebagai amalan harian.

bermula pada awal bulan Februari 2016 hingga bulan Ogos 2016. Rajah 2 adalah jadual Program Satu Minggu Satu Juzu' yang telah disusun atur.

KRITERIA PEMILIHAN PESERTA PROGRAM

Setiap sekolah / guru kelas / guru Al-Quran akan memilih dan menyenaraikan peserta program mengikut tahap pembacaan murid terdiri dari murid-murid kelas Pra ugama hingga Darjah VI.

Pemilihan peserta program adalah mengikut kriteria seperti beragama Islam; bersekolah agama di Negara Brunei Darussalam; berada dalam

kelas Pra ugama, Darjah I, II, III, IV, V dan VI sekolah-sekolah agama; boleh membaca Al-Quran dengan fasih dan lancar dan atas persetujuan ibu bapa / penjaga murid.

BERJAYA

Generasi Al-Quran yang hendak diwujudkan itu nanti merupakan generasi yang serba tahu dan serba boleh, generasi yang mempunyai kemahiran tinggi tentang ilmu-ilmu Al-Quran serta memahami Al-Quran sebagai kitab panduan untuk memandu manusia ke jalan yang lurus.

Pelaksanaan program seperti ini akan menambahkan lagi nilai-nilai keunggulan diri dan keberanian serta kehebatan generasi celik Al-Qur'an, di samping menjadikan mereka dalam kalangan orang-orang beruntung di dunia dan akhirat.

Program Satu Minggu Satu Juzu' diharapkan akan berjaya melahirkan generasi celik Al-Quran yang memahami dan mendalami isi kandungan Al-Quran, generasi yang serba tahu serta mempunyai kemahiran yang tinggi tentang ilmu-ilmu Al-Quran dari semua sudut, sama ada dari sudut politik dan siasah, ekonomi dan perdagangan, pendidikan dan pembelajaran, sosial dan kebudayaan dan seterusnya membina kekuatan dari sudut teknologi dan menguasai sebaran am.

Dengan mempunyai kemahiran yang tersebut di atas akan mewujudkan generasi celik Al-Quran dan sebagai *role model* kepada generasi akan datang dengan disampiri akhlak yang tinggi dan mempunyai peradaban hidup sebagai Muslim yang beretika, bergerak dan bertindak berpandukan Al-Quran.

Sama-samalah kita menamai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1435H / 2014M pada 11 Jamadilakhir 1435H / 10 April 2014M :

"Al-Quran bukan untuk dijadikan perhiasan tetapi adalah suluh bagi sesiapa yang membacanya. Beta berharap, di negara ini, tidak ada lagi orang Islam yang bersungut kerana tidak pandai membaca Al-Quran, kerana dari semenjak sekian lama sehingga sekarang, galakan dan peluang belajar membaca Al-Quran itu telah pun diberi, malah sentiasa terbuka luas, tidak pernah ditutup."

TARIKH	MASA	TENTATIF PROGRAM
1/2-7/2/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 1
9/2-14/2/2016 (Selasa-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 2
15/2-21/2/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 3
22/2-8/2/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 4
29/2-6/3/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 5
7/3-13/3/2016 (Isnin-Ahad)	➤ SESI PAGI WAKTU ➤ PERSEKOLAHAN 7.15 - 7.30	Mentasmi' bacaan juz 6
14/3-20/3/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 7
21/3-27/3/2016 (Isnin-Ahad)	➤ SESI PETANG WAKTU PERSEKOLAHAN 1.45- 2.00 / 5.00 - 5.30	Mentasmi' bacaan juz 8
28/3-3/4/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 9
4/4-10/4/2016 (Isnin-Ahad)	HARI JUMAAT DI LUAR WAKTU PERSEKOLAHAN (ALTERNATIF)	Mentasmi' bacaan juz 10
11/4-17/4/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 11
18/4-24/4/2016 (Isnin - Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 12
25/4-1/5/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 13
2/5-8/5/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 14
9/5-15/5/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 15

RAJAH 2 adalah jadual Program Satu Minggu Satu Juzu' yang telah disusun atur.

TARIKH	MASA	TENTATIF PROGRAM
16/5-22/5/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 16
23/5-29/5/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 17
30/5-5/6/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 18
6/6-12/6/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 19
13/6-19/6/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 20
20/6-26/6/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 21
27/6-3/7/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 22
4/7-10/7/2016 (Isnin-Ahad)	➤ PERSEKOLAHAN 7.15 - 7.30	Mentasmi' bacaan juz 23
11/7-17/7/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 24
18/7-24/7/2016 (Isnin-Ahad)	➤ SESI PETANG WAKTU PERSEKOLAHAN 1.45- 2.00 / 5.00 - 5.30	Mentasmi' bacaan juz 25
25/7-31/7/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 26
1/8-7/8/2016 (Isnin-Ahad)	HARI JUMAAT DI LUAR WAKTU PERSEKOLAHAN (ALTERNATIF)	Mentasmi' bacaan juz 27
8/8-14/8/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 28
15/8-21/8/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 29
22/8-28/8/2016 (Isnin-Ahad)		Mentasmi' bacaan juz 30

Beramal melalui Bazar Amal 'Satu Baju Satu Senyuman'



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Misle bin Haji Abdul Karim merasmikan Bazar Amal 'Satu Baju Satu Senyuman' di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM, Berakas.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - Orang ramai khususnya mereka yang ingin beramal kini boleh membeli-belah sambil beramal dengan berlangsungnya Bazar Amal di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM), Berakas, di sini.

Dirasmikan oleh Pemangku Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Bazar Amal ini mempunyai keistimewaan tersendiri di mana orang ramai berpeluang

membuat amal kebajikan melalui acara khas yang belum pernah diadakan sebelum ini, dipanggil 'Satu Baju Satu Senyuman'.

Melalui acara tersebut orang ramai boleh menderma pakaian sempena Hari Raya kepada anak-anak yatim seperti sepasang baju Melayu atau baju kurung dengan menempah pembuatannya melalui syarikat jahitan yang ditempatkan di bazar berkenaan iaitu membeli

kain dan membuat ukuran masing-masing dengan harga BND17 untuk baju Melayu dan BND20 untuk baju kurung.

Bagi setiap lima pasang baju yang ditempah oleh sesebuah keluarga, syarikat berkenaan akan menyumbangkan lima pasang tempahan tambahan secara percuma untuk didermakan kepada anak-anak yatim selepas bazar tersebut berakhir.

Selain untuk membantu anak-anak yatim dalam sama-sama meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan senyuman dan pakaian baharu, Bazar Amal ini juga mempunyai objektif untuk mengumpul lebih banyak derma untuk Dana Pejabat DBM khusus bagi membantu orang-orang yang kurang bernasib baik.

Diharapkan promosi khas yang diadakan sepanjang acara itu nanti akan menggalakkan orang ramai untuk

melakukan perkara yang baik dengan membantu kedua-dua pengusaha, anak-anak yatim dan orang lain yang memerlukan bantuan.

Jualan Bazar Amal 'Satu Baju Satu Senyuman' dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta tempatan, Syarikat Battle Pro Marketing and Management Services dengan kerjasama Jabatan DBM bermula 4 April hingga 7 April nanti dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.



PEMANGKU Pegawai DBM beramah mesra bersama para peniaga yang menyertai bazar tersebut.

Tempah baju beri senyuman buat anak yatim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - 'Satu Baju Satu Senyuman' merupakan inisiatif yang dikendalikan oleh Syarikat Battle Pro Marketing and Management Services (Battle Pro) dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) bagi orang ramai menempah baju pada Bazar Amal yang diadakan di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM, di sini.

Orang ramai yang ingin menempah baju boleh berkunjung ke Bazar Amal di Syarikat Dang Limah dan

Anak-Anak dengan harga biasa BND17 bagi baju cara Melayu dan BND20 bagi baju kurung.

Demikian dijelaskan oleh Pengurus Battle Pro, Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah semasa ditemu bual semasa Majlis Perasmian Bazar Amal berkenaan.

Bagi sepasang baju yang ditempah katanya, syarikat berkenaan akan menyumbangkan sepasang tempahan tambahan secara percuma untuk didermakan kepada anak-anak yatim.

Menurutnya, dengan adanya tempahan baju orang ramai pada syarikat berkenaan, secara langsung memberi senyuman kepada anak-anak yatim untuk keperluan mereka semasa Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

"Antara sebab kami mengendalikan projek ini adalah, pertama kerana seperti di tahun lalu, anak-anak yatim selalunya diberikan kain semasa bulan puasa, adakalanya kita lupa memikirkan mereka mempunyai wang lebih untuk menempah baju atau tidak

dan kedua, sudah tiba hari raya dikhuatiri kedai jahit tidak sanggup lagi untuk menerima tempahan baju," ujarnya.

Awang Haji Syed Mohd. Yassin menambah, orang ramai boleh membeli kain yang dijual pada bazar berkenaan seperti Al Bukhari Tekstil atau membawa kain sendiri dan menempah di Syarikat Dang Limah dan Anak-Anak pada bazar tersebut.

Tambahnya lagi, mereka berhasrat untuk memberikan sekurang-kurangnya sepasang baju bagi setiap seorang anak yatim yang berdaftar di Jabatan DBM yang kini mencatatkan seramai lebih 8,000 anak yatim.

Meskipun ia merupakan jumlah yang besar katanya lagi, namun jika setiap pihak saling bekerjasama untuk menolong insyaaAllah target tersebut mudah untuk dicapai.

Untuk peniaga-peniaga jelasnya lagi, ini adalah salah satu inisiatif atau usaha yang baik di mana mereka boleh berniaga atau merebut peluang berniaga di bazar ini bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menggalakkan orang ramai khususnya para belia untuk berusaha tanpa bergantung 100 peratus kepada kerajaan. Sementara itu, ahli peniaga Syarikat Intan Khalidah, Pengiran Mohd. Alam bin Pengiran Tajuddin pula menjelaskan, syarikatnya tidak pernah melepaskan peluang untuk ikut serta dalam setiap Bazar Amal yang dikendalikan oleh Battle Pro pada tahun ini.

Menurutnya, menyertai Bazar Amal

semestinya memberi keuntungan kepada mereka kerana sewa yang diberikan tidak mahal dan tempat yang dipilih juga sesuai bagi orang ramai untuk berkunjung.

"Justeru itu juga, kita harus menggunakan media massa yang ada untuk membarigakan mengenai Bazar Amal ini agar yang lain juga mengetahui tentang Bazar Amal yang diadakan," ujarnya.

Pengiran Mohd. Alam menjelaskan, antara barang yang dijual adalah seperti pelbagai barangan dan pakaian wanita serta produk-produk kesihatan.

"Konsep saya berjual sambil memberi kesihatan kepada orang ramai dan apabila mereka sihat, saya akan berpuas hati dan yang paling penting pahala yang diperolehi dunia akhirat," ujarnya.

Bagi Awang Mohd. Sabri bin Haji Suhaili salah seorang ahli peniaga TapaoBox pula menjelaskan, Battle Pro banyak memberi sokongan kepada semua terutama membantu pengusaha-pengusaha muda, menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta para pencari pekerjaan untuk mengisi masa lapang mereka dengan melakukan sesuatu yang berguna seperti berniaga.

Jelasnya, bagi yang baharu memulakan perniagaan, akan berniaga dan berfikir untuk berniaga supaya akan mula dan terus mencuba kerana Bazar Amal seumpama ini adalah sesuai sebagai platform awal bagi mereka terutama bagi mereka yang mula berjinak-jinak berniaga dan menyewa di kiub-kiub jualan.



PENGURUS Syarikat Battle Pro Marketing and Management Services, Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah.



AHLI peniaga TapaoBox, Awang Mohd. Sabri bin Haji Suhaili.



AHLI peniaga Syarikat Intan Khalidah, Pengiran Mohd. Alam bin Pengiran Tajuddin.

Jerebu di negara ini terkawal



PENGUASA Kanan Bomba dan Penyelamat di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Pengiran Haji Sabli bin Pengiran Damit.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Isnin, 4 April. - Keadaan cuaca yang agak panas dan kering dialami negara sejak beberapa minggu kebelakangan ini telah menyebabkan berlakunya kebakaran hutan belukar sehingga terjadinya jerebu.

Apabila terjadinya masalah jerebu, ia boleh menjejaskan kesihatan awam dan mengurangkan jarak penglihatan yang mana semasa berlaku jerebu Indeks Pencemaran Udara (IPU) akan meningkat ke paras yang sangat bahaya.

Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Pengiran Haji Sabli bin Pengiran Damit ketika ditemui menyaranakan orang ramai untuk tidak panik kerana tahap jerebu di negara ini masih dalam keadaan terkawal.

Menurut beliau, setakat ini 'District Disaster Management Committee'

belum lagi diaktifkan bagi Daerah Brunei dan Muara kerana jerebu di negara ini masih boleh dikawal oleh pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat yang bekerja keras dalam memastikan keadaan terkawal selain juga turut dibantu oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

NDMC dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan ujan, akan sentiasa memantau keadaan ini dan akan melaksanakan beberapa langkah yang perlu diambil sekiranya keadaan menjadi lebih teruk.

Sejak ditubuhkan, pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh NDMC dengan kerjasama pelbagai agensi dalam sama-sama memelihara keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dari sebarang kejadian yang tidak diingini.

Salah satu pendekatan yang diambil

"SETAKAT ini 'District Disaster Management Committee' belum lagi diaktifkan bagi Daerah Brunei dan Muara kerana jerebu di negara ini masih boleh dikawal oleh pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat yang bekerja keras dalam memastikan keadaan terkawal selain juga turut dibantu oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei." - Pengiran Haji Sabli.

oleh NDMC ialah pengurangan risiko bencana atau disaster risk reduction secara ringkasnya bertujuan untuk mengurangkan kadar kerosakan dan kerugian yang dibawakan oleh sesuatu kejadian bencana melalui tindakan-tindakan yang teratur serta bersistematik.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan bertarikh Sabtu 27 Februari 2016, jerebu ialah satu fenomena yang berlaku apabila debu halus yang kering seperti habuk, asap dan sebagainya mencemari udara.

Ia boleh menyebabkan kesan-kesan alahan (alergi) seperti gatal-gatal pada tubuh badan termasuk mata, hidung dan kerongkong yang boleh menyebabkan batuk, selesema, mata berair dan kesukaran bernafas.

Jerebu juga boleh lebih memudaratkan lagi keadaan, bagi mereka yang menghidap penyakit jantung atau paru-paru yang kronik seperti asma (ampus).

Langkah-langkah melindungi diri daripada kesan akibat jerebu terhadap kesihatan termasuklah mengelakkan dari berada di luar rumah untuk jangka masa yang lama, mengurangkan aktiviti di luar rumah, mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti mencuci muka dan tangan sebaik saja masuk ke dalam rumah.

Orang ramai juga disarankan banyakkann meminum air bagi mengelakkan daripada dehidrasi

terutama semasa cuaca panas, menggunakan krim atau losyen pelembap bagi kulit yang kering, menggunakan cecair titik mata yang tidak mempunyai bahan pengawet (*preservative-free eye drops*) jika mata terasa pedih.

Walau bagaimanapun, jika terdapat tanda-tanda seperti demam selesema berpanjangan, alahan dan kesukaran bernafas, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di pusat-pusat kesihatan yang berhampiran atau di hospital-hospital.

Kementerian Kesihatan menurut siaran akhbarnya itu juga turut menasihatkan orang ramai untuk sentiasa mengikuti perkembangan Pollutant Standard Index (PSI) di Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (www.env.gov.bn) dan mengikut nasihat kesihatan semasa menghadapi jerebu.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau keadaan kesihatan akibat jerebu dan akan memberikan maklumat kepada orang ramai dari semasa ke semasa. Maklumat lanjut mengenai kesihatan boleh diperolehi dengan menghubungi Healthline melalui talian 145 atau dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.



GAMBAR HIASAN ... Cuaca kering menyebabkan banyak kebakaran hutan terjadi dan juga jerebu.

Aplikasi Kapal Karam Brunei

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad, Shazanna Khairunnisa binti Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - Penemuan Kapal Karam Brunei (The Brunei Shipwreck) pada tahun 1997 merupakan salah satu penemuan penting dalam sejarah maritim negara ini.

Dengan penemuan kapal karam tersebut adalah bukti kukuh peranan Brunei sebagai sebuah pusat perdagangan yang penting di Asia Tenggara khususnya pada Abad Ke-15 dan 16 Masihi.

Untuk meningkatkan kesedaran

mengenai kapal karam tersebut, khususnya kepada para penuntut, satu Aplikasi iPad dan Pek Pendidikan Kapal Karam Brunei telah diperkenalkan.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Pegawai Muzium Kanan, Awang Hanapi bin Haji Maidin mengenai Aplikasi iPad dan Pek Pendidikan Kapal Karam Brunei itu, beliau antara lain menjelaskan penghasilan aplikasi dan pek pendidikan itu adalah sebahagian dari

projek tanggungjawab sosial korporat bagi Total E&P Deep Offshore Borneo B.V. bersama rakan kongsi CAI Petronas Carigali Brunei Ltd. dan Murphy Oil Corporation serta disokong oleh Syarikat Brunei National Petroleum Sendirian Berhad.

Tambahnya, aplikasi tersebut yang boleh dimuat turun secara percuma menerusi Apple App Store dan Google Play Store akan meningkatkan lagi jumlah tempat-tempat menarik yang boleh dikunjungi oleh para pelancong dari dalam dan luar negara.


Menyentuh mengenai dengan pameran kapal karam tersebut beliau menjelaskan, beberapa pameran telah diadakan di dalam dan luar negara termasuk di Perancis pada tahun 2002, iaitu pameran selama enam bulan dan di Australia pada tahun 2004 yang mana ia telah dipamerkan selama setahun.

Sejak perasmian Muzium Maritim Brunei pada Mac 2015 terangnya, muzium berkenaan telah menerima kira-kira 30,000 orang pengunjung dari dalam dan luar negara yang ingin melihat dengan lebih dekat lagi mengenai penemuan dan artifak-artifak yang terdapat di dalam kapal berkenaan.

Beliau berharap dengan adanya aplikasi tersebut ia akan dapat membantu meningkatkan minat para penuntut dalam menerokai bidang maritim yang merupakan satu bidang baharu di Negara Brunei Darussalam.



PEGAWAI Muzium Kanan, Awang Hanapi bin Haji Maidin semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei (atas), sementara gambar bawah, salah sebuah buku mengenai kapal karam Brunei.



SESI penerangan mengenai Aplikasi iPad dan Pek Pendidikan Kapal Karam Brunei.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI
DALAM KELAS : II, III & IV
SAHAJA, KATEGORI : (KA01 & M03
SAHAJA) - (KOD BARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**

19 APRIL 2016 (SELASA)

**TARIKH TUTUP : 03 MEI 2016
(SELASA) TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR/DWS/ 003/2016**

**NAMA PROJEK :
KONTREK PENGGAL KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN DAN MENAIK
TARAF SISTEM PENGEPAM AIR &
PEMELIHARAAN TANGKI AIR
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN COMMONWEALTH
DRIVE SELAMA 36 BULAN
NO. PROJEK : 2016DWS/B00405 - 1)**

**YURAN TAWARAN :
B\$50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI
DALAM KELAS : II, III DAN IV
SAHAJA, KATEGORI : (KA01 (STD)
SAHAJA) - (KOD BARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
19 APRIL 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 03 MEI 2016
(SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG**

BILANGAN TAWARAN :

JKR/DWS/ 004/2016

**NAMA PROJEK :
KONTREK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA PEMBAIKAN KE ATAS
PAIP UTAMA LAYONG DAN BUKIT
BARUN
NO. PROJEK : 2016DWS/B00411 - 3)**

**YURAN TAWARAN :
B\$50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI
DALAM KELAS : II, III DAN IV
SAHAJA, KATEGORI : (KA01 & M03
SAHAJA) - (KOD BARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
19 APRIL 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 03 MEI 2016
(SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR/DWS/ 005/2016**

**NAMA PROJEK :
KONTREK PENGGAL BAGI KERJA
PEMELIHARAAN STESYEN
PENGEPAM AIR UTAMA DAERAH
BRUNEI MUARA DAN TUTONG
NO. PROJEK : 2016DWS/B00411 - 4)**

**YURAN TAWARAN :
B\$50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E-DOKUMEN : -**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah

dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

KETERANGAN SEBUT HARGA

**JP/SH 12/2016-2017
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG KEPERLUAN ELEKTRIK
JABATAN PELABUHAN**

1. DIBUKAKAN kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang bersesuaian yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen sebut harga boleh diperolehi di :

**Unit Tawaran & Sebut Harga
Tingkat 2, Jabatan Pelabuhan, Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.**

**Pada waktu-waktu bekerja
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.30 Petang hingga 2.30 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

Tarikh akhir mengambil dokumen sebut harga pada Khamis, 14 April 2016.

3. Borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikembalikan ke alamat berikut :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Pelabuhan
Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.**

4. Borang sebut harga hendaklah dikembalikan **tidak lewat hari Rabu, 20 April 2016, jam 2.00 Petang.**

5. Borang sebut harga hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis **JP/SH 12/2016 - 2017 MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN ELEKTRIK JABATAN PELABUHAN** di atas tanpa menyatakan nama atau logo syarikat.

6. Sijil pendaftaran dari Pejabat Peguam Negara (**Form 16 & 17 / Form X**) hendaklah disertakan bersama borang sebut harga.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar di dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV, V & VI, Sijil Pendaftaran *Section 16 & 17* atau Kategori Elektrikal (E01, M03, KP04, KA01).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1 :

***Membekal Peralatan / Perkakas
'Power Tool' untuk Kegunaan Kerja-Kerja
Pemeliharaan Binaan dan Bangunan***

**Bilangan Tawaran :
AME/2016-2017/SH-11**

Tajuk Tawaran 2 :

***'The Supply of Roadline Paint for
Taxiways at Brunei International Airport'***

**Bilangan Tawaran :
AME/2016-2017/SH-12**

Tajuk Tawaran 3 :

***'Team Contract for The Repair of
All Piping Within The Vicinity
at Brunei International Airport'***

**Bilangan Tawaran :
AME/2016-2017/SH-12**

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran : Tidak lewat jam 2.00 Petang, 12 April 2016, hari Selasa.

Tarikh tutup tawaran pada : hingga pukul 2.00 Petang, 13 April 2016, hari Rabu.

Kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan**

**Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Rabu, 13 April 2016.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui lama *website* <http://www.civilaviation.gov.bn>.

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan **membayar yuran tawaran sebanyak BND10.00 (hardcopy) - tidak dikembalikan** bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang**

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) atau / dan lawatan tapak (*site visit*) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

**Pada : 7 April 2016 (Khamis)
Jam : 8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
1.45 Petang hingga 3.30 Petang**

Tempat Berkumpul :

**Dewan Serbaguna Bangunan Pengurusan
dan Kejuruteraan Pemeliharaan Aset
(AME) Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan bagi :

Sebut Harga bagi perkhidmatan / pembekalan :

Projek Penghantaran Bunga Hidup bagi Bilik Orang Kenamaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei selama Dua Tahun bagi Bulan April 2016 sehingga Mac 2018.

Bilangan Sebut Harga : APM.2016-2017/SH-02

**Tarikh mengambil dokumen tawaran :
30 Mac 2016 (Rabu).**

**Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
Tidak lewat dari jam 11.00 Pagi
Sabtu, 09 April 2016.**

**Tarikh tutup tawaran :
Hingga jam 2.00 Petang, 13 April 2016 (Rabu).**

**Yuran dokumen :
BND10.00 (tidak dikembalikan).**

Sebut Harga hendaklah dihantar menggunakan sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

Sebut Harga bagi perkhidmatan / pembekalan :

Projek Penghantaran Bunga Hidup bagi Bilik Orang Kenamaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei selama Dua Tahun bagi Bulan April 2016 sehingga Mac 2018.

Sebut Harga Bilangan : APM.2016-2017/SH-01

Tarikh Tutup : 13 April 2016 (Rabu)

Alamat kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a. Tingkat Bawah, Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat Penerbangan Awam
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan, BB 2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut Harga hendaklah sampai ke Peti Sebut Harga yang beralamat di atas tidak lewat jam 2.00 Petang, hari Rabu, 13 April 2016. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan **bayaran yuran dokumen sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan).**

5. Waktu penerimaan bagi mengambil dan membayar tawaran pada waktu bekerja :

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**

6. Borang sebut harga hendaklah dikembalikan walaupun syarikat tidak dapat memberikan sebut harga, iaitu dengan mencatat / menulis 'TIADA TAWARAN' di atas borang berkenaan.

7. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui telefon : +673 2332337 sambungan 1300, 1489 atau Faksimile : +673 2331772.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN
MINDEF/DFA/RC/165(3)
SECURITY GUARDING SERVICE
FOR BRIDEX -
FIVE (5) YEARS CONTRACT

BAYARAN TAWARAN :BND500.00
(tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 03 Mei 2016** di Jabatanarah Kewangan

dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **04 April 2016**.

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis :
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat : 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.30 Petang hingga 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki

membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan

hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.


JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138Q.3/2016

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN 200,000 BUAH BUKU
RESIT KUPON SINGLE ENTRY VISA
\$20.00

Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138Q.4/2016

Tajuk Sebut Harga :
MEMBEKALKAN 200 BUAH BUKU
INDENT
Tarikh Tutup / Jam :
18 April 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat menghantar Sebut Harga :
Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Penyertaan :

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan

Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicop syarikat menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelop* menulis dengan jelas) **TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN** yang ditujukan kepada :

PENGERUSI

JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

7. Tarikh Akhir Menghantar : **18 April 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.**

8. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

10. Borang-borang boleh diperolehi di **Unit Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.**

11. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga **Isnin hingga Khamis : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang, Sabtu : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi.**

11 April 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat menghantar sebut harga :
Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Penyertaan :

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicop syarikat menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelop* menulis dengan jelas) **TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau

identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN** yang ditujukan kepada :

PENGERUSI

JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

7. Tarikh akhir menghantar : **11 April 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.**

8. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

10. Borang-borang boleh diperolehi di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan

Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive, BB3910
Negara Brunei Darussalam.


JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.1/2016

Tajuk Sebut Harga :
1. Hospital Kupon BND1.00
2. Hospital Kupon BND5.00
3. Buku Bil Pesakit Dalam
Tarikh Tutup / Jam :
11 April 2016 (Isnin), 9.00 Pagi

Tempat menghantar Sebut Harga :
Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)
Jabatan Perbendaharaan
Level 2, Tower Block
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive
Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Penyertaan :

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicop syarikat menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelop* menulis

dengan jelas) **TAJUK & BILANGAN TAWARAN DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

6. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN** yang ditujukan kepada :

PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN PERBENDAHARAAN
TINGKAT 2, TOWER BLOCK
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN
COMMONWEALTH DRIVE, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

7. Tarikh Akhir Menghantar : **11 April 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.**

8. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

10. Borang-borang boleh diperolehi di **Unit Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.**

11. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran sebut harga **Isnin hingga Khamis : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang, Sabtu : 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi.**

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
Bilangan Sebut Harga :
JPKK/A/138 Q.2/2016
Tajuk Sebut Harga :
Buku Tunai Sais Besar (Cash Book)
Tarikh Tutup / Jam :

PROPAZ ke arah pembasmian kemiskinan

Oleh : Bahagian Perhubungan Awam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

PADA masa ini, ada lima program yang dianjurkan di bawah PROPAZ, iaitu PROPAZ-PPB, PROPAZ-PERANTIS, PROPAZ-KEUSAHAWANAN, PROPAZ-PEMBANGUNAN DIRI, PROPAZ-BANTUAN SOKONGAN.

PROPAZ-PPB

PROPAZ-PPB berorientasikan pemerolehan ilmu kemahiran melalui latihan-latihan teknikal dan vokasional serta bimbingan dan pembangunan diri khusus bagi penerima bantuan wang zakat dan kategori asnaf fakir dan miskin. Program ini dibukakan kepada peserta yang berumur 18 hingga 25 tahun sahaja. Ia dilaksanakan dengan usaha sama Pusat Pembangunan Belia (PPB) sebagai penyedia perkhidmatan dan infrastruktur yang sesuai.

Tempoh latihan adalah selama sembilan bulan dan terbahagi kepada dua sesi latihan - peserta akan menjalani latihan kemahiran dan bimbingan di PPB selama tiga bulan, manakala bagi enam bulan selebihnya peserta akan menjalani latihan penempatan kerja di syarikat-syarikat swasta yang berkaitan.

Antara bidang kursus yang disediakan ialah bidang Teknologi Informasi (IT) dan Komunikasi, Teknologi Rekaan Fesyen, Seni Kulinari dan Bankuet & Pastrri dan Konfeksionari, Terapi Kecantikan dan bidang Teknikal. Selain daripada kursus-kursus kemahiran tersebut, PPB juga menyediakan kursus-kursus asas seperti pembelajaran agama dan Al-Quran, bahasa Inggeris, keusahawanan dan perakaunan, matematik, motivasi dan pembangunan diri serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

PROPAZ-PERANTIS

PROPAZ-PERANTIS pula bertujuan untuk membantu asnaf fakir miskin meningkatkan taraf kehidupan mereka terutama dalam memasuki bidang pekerjaan.

SIRI AKHIR

Program ini memberikan latihan kemahiran yang *tailor-made* secara *on-the-job training* dalam pelbagai bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran, termasuk asas-asas bekerja dan kefahaman berhubung budaya dan etika kerja melalui latihan kemahiran dan penempatan kerja (*apprentice*) di syarikat-syarikat swasta. Program ini mula dijalankan pada tahun 2012 dan dibukakan kepada peserta berumur 26 hingga 45 tahun.

Antara objektif program ini adalah meningkatkan penglibatan golongan asnaf fakir miskin dalam aktiviti ekonomi bagi mengurangkan kadar pengangguran; Meningkatkan peranan sektor swasta sebagai penyumbang utama kepada mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan asnaf zakat; Menggalakkan peralihan *mindset* kepada positif untuk berusaha tanpa mengharapkan bantuan mana-mana pihak serta cenderung memilih sektor swasta sebagai majikan; Memberikan pengalaman secara *hands on* kepada peserta di dalam dunia pekerjaan.

Tempoh pelaksanaan program ini adalah selama dua tahun, di mana peserta akan menjalani program motivasi selama tujuh hari, seterusnya fasa latihan penempatan kerja selama enam bulan, fasa percubaan bekerja selama enam bulan, dan fasa pengambilan bekerja secara tetap selama satu tahun.

PROPAZ-KEUSAHAWANAN

Program ini direka khusus untuk lepasan mana-mana program PROPAZ yang berminat untuk berniaga sendiri. Peserta program ini hendaklah menjalani kursus keusahawanan dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB). Mereka akan disokong untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan berniaga,



DAYANG Salmiah binti Haji Tarang berjaya mengembangkan kehidupannya apabila memilih untuk memulakan perniagaan sendiri sebagai pengusaha kuih-muih.

seperti bantuan perniagaan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) atau LKEB, menjadi rakan strategik Koperasi KHEU Berhad, atau bantuan sokongan perniagaan daripada pelbagai pihak.

PROPAZ-PEMBANGUNAN DIRI

Program ini menyediakan kursus dan aktiviti berunsurkan motivasi, kaunseling individu, pembangunan diri, serta aktiviti dan ceramah keagamaan.

PROPAZ-BANTUAN SOKONGAN

PPB sebagai rakan strategik tidak terkecuali menawarkan program-program dan kursus-kursus singkat kepada peserta PROPAZ. Antara program yang ditawarkan ialah program jentera berat, program *scaffolding*, kursus singkat perubatan tradisional dan kursus singkat barang-barang terbuang. Peserta juga akan berpeluang dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti kebajikan.

HALA TUJU PESERTA PROPAZ

Setelah menjalani kursus dan latihan, antara hala tuju peserta adalah ditawarkan pekerjaan oleh syarikat penempatan kerja, mengusahakan perniagaan sendiri, diserapkan ke syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja, dan menyertai atau terlibat dalam Koperasi Pengupayaan KHEU Berhad sebagai pekerja atau rakan strategik.

Rancangan Urusetia PROPAZ pada masa hadapan untuk meluaskan lagi peranan rakan strategik yang boleh membantu mengembangkan dan memajukan PROPAZ, mempelbagaikan program-program latihan kemahiran dalam bidang yang berlainan dari yang sedia ada, serta mengusahakan dengan lebih intensif program-program berbentuk motivasi dan pembangunan diri khususnya yang menjurus kepada pembangunan kerohanian peserta.

Dengan segala usaha padu dan kerjasama yang berterusan daripada pihak-pihak yang berkenaan, matlamat utama untuk menjadikan asnaf fakir miskin mampu berdikari tanpa bergantung kepada bantuan semata-mata akan dapat direalisasikan.

CERITA-CERITA KEJAYAAN PESERTA SELEPAS MENYERTAI PROPAZ

Semenjak Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) diperkenalkan pada tahun 2007, peserta-peserta program yang terdiri daripada asnaf fakir miskin sebahagian besarnya telah berjaya menghadapi cabaran dan berdikari,



PERUSAHAAN Kuih Sapit, Dayang Hajah Saleha binti Pengarah Haji Basi yang pernah mengikuti Kursus Masakan dan Katering & Kek dan Pastrri.

bahkan juga ada yang telah berjaya dalam kehidupan mereka.

Antara peserta yang telah berjaya itu ialah Dayang Hajah Saleha binti Pengarah Haji Basi bersama suaminya yang telah mengikuti Kursus Masakan dan Katering & Kek dan Pastrri pada sesi pertama PROPAZ dijalankan iaitu tahun 2007 / 2008.

Selepas tamat program, beliau memilih makanan kering tradisional sebagai bidang perusahaannya yang dijalankan. Antara produk tersebut ialah Kuih Sapit dan Kuih Jala. Beliau telah memperluaskan usahanya dengan menjual produk-produknya ke Koperasi Pengupayaan KHEU Berhad selain dibantu dalam pemasaran produk dengan diberi peluang menjadi penyedia produk sempena Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara.

Sementara Dayang Salmiah binti Haji Tarang yang merupakan peserta sesi kedua PROPAZ tahun 2008 / 2009 yang pernah mengikuti Kursus Masakan dan Katering & Kek dan Pastrri pada kini berjaya mengembangkan kehidupannya apabila memilih untuk memulakan perniagaan sendiri sebagai pengusaha kuih-muih.

Beliau kini giat meluaskan perniagaannya dengan menceburkan diri dalam bidang katering dan sehingga kini aktif dalam menyediakan perkhidmatan tersebut terutama untuk majlis-majlis perkahwinan pada skala yang besar. Hasil pendapatan beliau paling minimum adalah sebanyak BND1,300 hingga membawa kepada BND10,000 sebulan.

Begitu juga bagi Awang Md. Safiyullah bin Sahari yang

DENGAN segala usaha padu dan kerjasama yang berterusan dari pihak-pihak yang berkenaan, matlamat utama untuk menjadikan asnaf fakir miskin mampu berdikari tanpa bergantung kepada bantuan semata-mata akan dapat direalisasikan.

merupakan peserta PROPAZ pada sesi ketiga (tahun 2009 / 2010) dengan mengikuti Kursus Kimpalan dan Fabrikasi serta Baik Pulih Kenderaan. Beliau menjalani latihan di PPB selama tiga bulan dan seterusnya penempatan kerja di AT & S Sdn. Bhd. selama enam bulan. Beliau dianugerahkan sebagai 'Peserta Gigih & Cekal' dalam Majlis Penyampaian Sijil Peserta PROPAZ Ke-3 Tahun 2009 / 2010.

Dengan mempunyai prestasi yang baik sepanjang latihan penempatan kerja beliau ditawarkan pekerjaan tetap oleh Syarikat AT & S Sdn Bhd. sebelum tamat tempoh latihan. Semasa berkhidmat untuk syarikat tersebut, Awang Md. Safiyullah dipilih untuk menyertai lawatan kerja ke Johor, Malaysia.

Disebabkan kecenderungan beliau dalam bidang keusahawanan, beliau telah memulakan perniagaan di bawah syarikat sendiri iaitu Ammar Akwa Engineering Company yang mengusahakan pembaikan kapal dan juga pembinaan rumah dan bangunan.

Kini beliau membuka anak syarikat dengan kerjasama beberapa usahawan tempatan dan telah mempunyai pejabat dan bengkel sendiri di Kampung Bunut. Pada tahun 2014, syarikat ini telah menjadi rakan strategik kepada Program PROPAZ.



PESERTA menjalani latihan di Pusat Pembangunan Belia.

Bandaran BSB juara badminton KHEDN

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 April. - Pasukan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan muncul juara dalam Kejohanan Badminton

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya setelah menewaskan pasukan Jabatan Bomba dan



TIMBALAN Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar menyampaikan piala kepada Pasukan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan muncul juara dalam Kejohanan Badminton Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-Jabatan Dibawahnya (atas). Sementara gambar kanan bergambar ramai bersama pasukan tersebut.

Penyelamat (JBP) tiga set dari empat set terawal.

Perlawanan akhir tersebut dikendalikan oleh Jabatan Bandaran, yang berlangsung di Dewan Sukan Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama, Berakas, malam tadi.

Beregu pertama pasukan Jabatan Bandaran gandingan Awang Haji Ghafar bin Nithi / Awang Haji Tua bin Haji Tahamit menang mudah setelah menundukkan pasangan JBP, Awang Haji Japar bin Haji Tahir / Awang Bungsu bin Metarsad dengan keputusan 21-8 dan 21-6.

Sementara itu, beregu kedua pasangan Jabatan Bandaran, Lim Sun

Hui / Awang Ali Hussin bin Besar menang 'straight set' ke atas gandingan JBP, Awang Hanif bin Haji Suboh / Awang Haji Adnan bin Haji Ahmad dengan keputusan 21-9 dan 21-12.

Set ketiga menyaksikan pasukan beregu JBP gandingan Dayang Siti Nurfaizah binti Haji Momin / Dayang Surbaya binti Sabli mengalahkan beregu Jabatan Bandaran, Dayang Hajah Kartina binti Haji Minggu / Dayang Yusfakhrena binti Yusra dengan kiraan 'straight set', 15-21 dan 16-21.

Beregu keempat Jabatan Bandaran, pasangan Awang Romzi bin Haji Burut / Awang Md. Huzaini bin Haji Md. Salleh menang tipis ke atas gandingan

Awang Mohd Syamil Fazrin bin Wahab / Awang Mohd Norazri bin Haji Abd. Ghani dengan kiraan 21-15 dan 21-19, sekali gus menobatkan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan juara pada kejohanan tersebut setelah memenangi tiga daripada lima set yang dipertandingkan.

Manakala tempat ketiga pada kejohanan tersebut dikongsi oleh pasukan Jabatan Penjara dan pasukan Jabatan Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada kejohanan berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar.



Kejohanan Badminton Veteran Berpasukan 2016

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 April. - Seramai enam pasukan akan berentap pada Kejohanan Badminton Veteran Berpasukan 2016 anjuran YBs (Yang Bersara) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam buat julung-julung kalinya.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan kejohanan tersebut, Timbalan Yang Di-Pertua Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Ahim bin Adis di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan Pengerusi YBs, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don yang kemudian memperkenalkan tetamu kehormat kepada ketua-ketua pasukan dan seterusnya merasmikan kejohanan tersebut.

Enam pasukan yang bertanding terdiri daripada Brumas Warriors, PDB (Pangkalan Batu), YBs 'A', YBs 'B', Tanjung Nangka 'A' dan Tanjung Nangka 'B', di mana setiap pasukan mempunyai 10 peserta.

Kejohanan bermain secara pusing keliling, pusingan pertama bermula 4 April hingga 9 April nanti.

Hasil pusingan awal itu, empat teratas akan mara ke separuh akhir dengan pemenang tempat pertama akan bertembung tempat ke empat, manakala tempat kedua akan menentang tempat ketiga untuk mara ke perlawanan akhir yang akan dimaklumkan kemudian.

Kejohanan tersebut antara lain bertujuan untuk mengekalkan kesihatan dan mengukuhkan ukhuwah persahabatan juga silaturahim dalam kalangan pemain veteran.



TIMBALAN Yang Di-Pertua Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Ahim bin Adis bergambar ramai bersama pasukan yang akan berentap pada Kejohanan Badminton Veteran Berpasukan 2016 anjuran YBs (Yang Bersara).

Mesra Ria Keluarga eratkan silaturahim

Berita dan Foto : Haji Ahmad Haji Salim

BERAKAS, 3 April. - Pelbagai aktiviti yang berfaedah telah dilaksanakan sepanjang cuti penggal pertama yang lalu yang bermula pada 18 Mac dan berakhir 3 April, di mana para ibu bapa dan keluarga bersama anak masing-masing punya rancangan tersendiri untuk memanfaatkan sepanjang cuti sekolah tersebut dengan mengisikan masa-masa keemasan bersama keluarga.

Antaranya termasuklah membawa keluarga melancong keluar negara, melawat tempat-tempat menarik yang terdapat dalam negara sendiri, mengadakan kempen kebersihan di dalam dan luar rumah, berkelah di pantai-pantai, taman-taman rekreasi dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, lebih 25 warga bekas pelajar tahun 1974 sehingga 1978, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) bersama keluarga mereka telah menggunakan peluang cuti sekolah itu dengan mengadakan Hari Mesra Ria bersama keluarga yang berlangsung di Hutan Simpan Berakas, di sini.

Antara acara sukan bagi memeriahkan Hari Mesra Ria itu ialah acara menyambung batang straw, menyusun cawan yang diisi dengan bola pingpong, serta boling tanah yang menggunakan buah kelapa.

Menurut Awang Ramlee bin Bujang, selaku Ketua Sukan Hari Mesra Ria bersama keluarga berkata antara tujuan sukan ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan mereka dan juga keluarga masing-masing dengan mengisi masa cuti persekolahan dengan perkara-perkara yang berfaedah dan menyihatkan.

Tambahnya, apa yang paling menarik dalam acara berkenaan ialah pembahagian baju 'T' yang berslogan *my classmate* kepada semua yang menyertai acara berkenaan.

"Pembahagian ini adalah usaha bersama ke arah tujuan untuk meningkatkan semangat setia kawan dalam apa pun keadaan dan juga sebagai lambang satu hati satu jiwa dalam perpaduan dalam kalangan bekas pelajar dan keluarga masing-masing," ujarnya.

Selain acara sukan ini jelas Awang Ramlee, mereka juga turut merancang untuk mengadakan acara berkebajikan iaitu sempena menjelangnya bulan Ramadan akan datang dengan mengadakan Majlis Bertahlil dan Doa Arwah bagi rakan-rakan mereka yang telah kembali ke rahmatullah dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.



BOLING tanah yang menggunakan buah kelapa memeriahkan suasana Hari Mesra Ria bersama keluarga.

Sukan Ria Hari Keluarga Jabatan Penjara meriah

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam (kiri) menyampaikan hadiah kepada johan tarik kalat, pasukan Mega Power.

TUTONG, Ahad, 3 April. - Sempena cuti persekolahan, Jabatan Penjara menganjurkan Sukan Ria Hari Keluarga.

Hadir selaku tetamu khas acara

tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam dan keluarga.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat. Acara diteruskan lagi dengan senamrobik dan diikuti Pertandingan Akhir Tarik Kalat Berat 780 Kilogram. Terkumpul seramai lapan orang penarik di antara pasukan Chainblock A menentang pasukan Mega Power, dimenangi oleh pasukan Mega Power. Selain itu, beberapa aktiviti juga dijalankan seperti memukul bola golf, peraduan mewarna, mengisi air ke dalam botol, membawa bola berhalangan, membaling bola ping pong, kerusi muzik dan Pertandingan Orang Kuat.

Juga diadakan ialah Pameran Kucing, Kereta Tahan Lasak (4WD), Insaf Radio Amatur, di samping permainan *bouncer* untuk kanak-kanak, menunggang kuda, ATV Ride dan pesta jualan.

Seramai 300 pegawai dan kakitangan hadir bersama keluarga ke acara Suka Ria tersebut yang diadakan di Kompleks Padang dan Balapan Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

Sukan Ria Hari Keluarga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama anggota warga Jabatan Penjara dan keluarga, di samping dapat mempromosikan aktiviti-aktiviti sihat dalam kalangan mereka.



SETIAUSAHA Tetap KHEDN, Awang Haji Mohammad 'Abdoh juga berpeluang mengikuti permainan memukul bola golf (atas), sementara gambar bawah, Pertandingan Orang Kuat juga turut memeriahkan Sukan Ria Hari Keluarga.

TJFT terikat 2 - 2 dengan PBDB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



ANTARA aksi menarik perlawanan di antara pasukan Tanah Jambu Football Team (TJFT) dan Persatuan Bola Sepak Daerah Belait (PBDB) pada Kejohanan Bola Sepak Veteran Kebangsaan Piala Presiden.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 April. - Pasukan Tanah Jambu Football Team (TJFT) dan Persatuan Bola Sepak Daerah Belait (PBDB) terpaksa akur dengan keputusan seri 2 - 2 pada Kejohanan Bola Sepak Veteran Kebangsaan Piala Presiden yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah (KSNHB), Berakas di sini.

Pasukan pelawat, PBDB memecah jaringan pada awal minit ke-14 menerusi tendangan penalti pemain jersi 12, Jamhari Laini.

Akibat kecuai pemain jersi 22 TJFT, Sahrani Ibrahim memberikan gol percuma kepada PBDB berikutan bolanya termasuk ke gawang sendiri.

Walaupun pasukan tuan rumah ketinggalan 0 - 2, namun semangat tidak mahu kalah jelas terbukti apabila jersi 13, Ruday Yahya menyumbat satu gol melalui hantaran lintang dari pemain jersi 9, Keflee Sulaiman sekali gus merubah kedudukan 1 - 2 sehingga habis separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua pula, TJFT mula menunjukkan taring dengan menguasai sedikit aksi permainan dengan menyerang kubu pertahanan pihak lawan sehingga banyak peluang sumbatan gol bagi kedua-dua pasukan.

Semangat kental pasukan tuan rumah akhirnya membuahkan hasil dengan menghadiahkan satu lagi gol menerusi tandukan bergaya daripada Keflee Haji Sulaiman pada minit ke-87.

Keputusan seri 2 - 2 terus kekal sehingga pengadil meniup wisel penamat.



PEMAIN pasukan TJFT (jeri merah) mengawal bola dari dirampas oleh pemain PBDB.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN, KEMAJUAN NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.